KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **2 April 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 19

# Kawalan bahan api di Sabah, Sarawak, Labuan diperketat

## Langkah bagi banteras ketirisan RON95, diesel bersubsidi

Oleh Mohd Roji Kawi, Azizi Majid dan Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

**Kuching:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperketat kawalan penggunaan bahan api bersubsidi RON95 dan diesel di Sabah, Sarawak serta Labuan berkuat kuasa semalam bagi membanteras ketirisan dan memastikan bekalan mencukupi kepada rakyat.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam, berkata pelaksanaan itu merangkumi had pengisian diesel bersubsidi mengikut kategori kenderaan di tiga wilayah berkenaan.

Beliau berkata, kenderaan ringan seperti kereta persendirian, teksi, van dan pacuan empat roda dihadkan kepada 50 liter bagi setiap transaksi.

Bagi kenderaan komersial sederhana dengan berat tanpa muatan tidak melebihi tiga tan, had ditetapkan sebanyak 100 liter, manakala kenderaan berat melebihi tiga tan dibenarkan sehingga maksimum 150 liter.

"Stesen minyak menetapkan had pengisian secara automatik, namun pengguna yang memerlukan jumlah lebih tinggi boleh berurusan di kaunter untuk tetapan semula," katanya pada sidang media selepas meninjau Stesen PETRONAS di Bau, di sini, semalam.

Azman berkata, sebanyak 556 stesen minyak di Sabah, Sarawak dan Labuan terbabit dalam pelaksanaan kawalan itu dengan 283 daripadanya di Sarawak, diikuti Sabah (266) dan Labuan (tujuh).

### Penguatkuasaan seluruh negara

Katanya, seramai 2,400 pegawai penguat kuasa bersama agensi berkaitan digerakkan bagi memperkukuh pemantauan di seluruh negara bermula semalam.

Selain itu, kerajaan turut melaksanakan larangan penjualan dan pembelian petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing serta sekatan penggunaan kad kredit dan debit asing di terminal layan diri secara berperingkat.

Langkah itu, katanya, diselaraskan dengan pelaksanaan Ops Tiris 4.0 bagi memperkukuh kerjasama strategik antara agensi penguat kuasa dalam membanteras penyelewengan bahan api bersubsidi.

Di **Johor Bahru,** KPDN Johor meningkatkan pemantauan terhadap 639 stesen minyak susulan penguatkuasaan larangan jualan RON95 kepada kenderaan asing bermula semalam.

Pengarahnya, Lilis Saslinda Pornomo, berkata pemantauan lebih ketat diberikan kepada 31 stesen minyak di kawasan sempadan bagi mengelak ketirisan bahan api.

Beliau berkata, lebih 180 pegawai penguat kuasa digerakkan untuk menjalankan pemantauan di seluruh negeri itu.

Katanya, pengusaha stesen minyak sudah dimaklumkan lebih awal mengenai pelaksanaan larangan itu dan sesi libat urus turut diadakan bagi memastikan pematuhan.

Di **Kota Bharu,** seramai 140 pegawai penguat kuasa KPDN Kelantan digerakkan bagi menjalankan pemeriksaan di 248 stesen minyak di seluruh negeri.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri, Aswadi Jaafar, berkata operasi itu dilaksanakan selaras dengan penguatkuasaan larangan penjualan dan pembelian petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing.

Katanya, langkah itu diambil bagi mengawal ketirisan subsidi serta memastikan bekalan bahan api negara kekal stabil, selain melindungi hak pengguna tempatan.




*Azman (kanan) menampalkan notis pematuhan larangan pembelian RON95 oleh warga asing dan had pengisian diesel di Stesen Minyak Petronas Tasik Biru, Jalan Bau-Kuching, semalam.* (Foto BERNAMA)

## Harga minyak global melonjak, diesel cecah RM6.02 seliter

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kewangan memaklumkan harga minyak mentah Brent global melonjak lebih 40 peratus sehingga melepasi AS$100 satu tong.

Justeru, harga minyak diproses bagi petrol dan diesel masing-masing meningkat kepada sekitar AS$150 satu tong dan AS$250 satu tong.

Kesan kenaikan harga global itu dapat dilihat melalui anggaran harga runcit tanpa subsidi bagi tempoh 2 hingga 8 April 2026, apabila harga diesel di Semenanjung meningkat kepada RM6.02 seliter berbanding RM5.52 seliter pada 1 April.

Bagi petrol tanpa subsidi, harga RON97 menurun kepada RM4.95 seliter daripada RM5.15 sebelum ini, manakala RON95 kekal pada kadar RM3.87 seliter.

Harga RON95 di bawah inisiatif BUDI95 kekal pada RM1.99 seliter, manakala harga diesel di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) serta bagi pengguna di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dikekalkan pada RM2.15 seliter.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# KPDN: Bekalan bahan api stabil

## *Pemantauan dipertingkat di Sabah, Sarawak dan Labuan*

**BAU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memastikan bekalan bahan api mencukupi bagi memenuhi permintaan rakyat melalui sistem pemantauan harian yang berkesan di seluruh negara, dan akan terus memperkukuh penguatkuasaan di Sabah, Sarawak dan Labuan.**

Ketua Pengarahnya Datuk Azman Adam berkata setakat ini tiada isu kekurangan bekalan bahan api itu walaupun terdapat peningkatan permintaan di beberapa stesen minyak susulan musim perayaan baru-baru ini.

"Orang ramai tidak perlu risau kerana walaupun terdapat peningkatan permintaan, ia adalah terkawal dengan pemantauan turut dijalankan setiap hari bagi memastikan sebarang isu dapat dikesan dan ditangani segera," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di sebuah stesen minyak di sini.

Beliau berkata penguatkuasaan di Sabah, Sarawak dan Labuan perlu sebagai usaha memperkukuh kawalan bekalan bahan api terutamanya diesel bagi memastikan kesinambungan bekalan, tiada gangguan dan tiada penyelewengan berlaku dalam pasaran.

"Permintaan bahan api meningkat dengan mendadak susulan situasi di Asia Barat, sekali gus memberi tekanan kepada bekalan sedia ada.

"Jika ketirisan tidak dibendung, ia boleh menyebabkan diesel dan petrol diseludup keluar serta disalahgunakan oleh pihak atau industri yang tidak layak," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di sebuah stesen minyak di sini, hari ini yang turut dihadiri Pengarah KPDN Sarawak Matthew Dominic Barin.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan harga diesel bersubsidi di Sabah, Sarawak, dan Labuan kekal pada RM2.15 seliter, namun had pengisian harian dikuatkuasakan mulai hari ini bagi membendung ketirisan.

Had tersebut berbeza mengikut kategori kenderaan iaitu 50 liter, 100 liter atau 150 liter bagi memastikan subsidi sampai kepada kumpulan sasaran.

"Had minimum pengisian ditetapkan sebanyak 50 liter sahaja, dan sekiranya pengguna memerlukan jumlah


AZMAN ADAM

lebih besarcontohnya bagi kenderaan bertangki besar seperti lori mereka perlu membuat pembayaran di kaunter, di mana jumlah pengisian boleh diselaraskan sehingga 150 liter," katanya.

Beliau berkata pemantauan akan dilaksanakan terhadap 283 stesen minyak di Sarawak, 266 di Sabah dan tujuh di Labuan, dengan kerjasama agensi lain termasuk polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia menerusi Operasi Tiris 4.0.

Katanya, pihak KPDN akan mula menempatkan pegawai secara statik di stesen minyak yang mencatatkan peningkatan jualan luar biasa, selain menugaskan pegawai tidak beruniform bagi tujuan risikan untuk mendapatkan maklumat sebenar operasi di lokasi tersebut.

Sementara itu, Azman meminta orang ramai supaya terus menyalurkan maklumat jika terdapat sebarang kes mencurigakan berkaitan penyelewengan bahan api, dan tindakan akan diambil dalam tempoh 24 jam sekiranya laporan diterima lengkap.

"Sekiranya terlihat kenderaan asing mengisi RON95 dalam kuantiti besar atau menggunakan tong, jangan ambil tindakan sendiri dan jangan tularkan. Lapor terus kepada pihak KPDN kerana sebarang penyebaran boleh menjejaskan bukti dan kejayaan siasatan kami," katanya.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan beberapa langkah penguatkuasaan baharu bermula hari ini bagi membendung ketirisan subsidi bahan api termasuk larangan penjualan dan pembelian RON95 oleh kenderaan asing, tidak membenarkan penggunaan kad kredit dan debit antarabangsa di terminal pam layan diri dan pembayaran hanya dibenarkan di kaunter bagi mengawal pembelian oleh warga asing.-Bernama.

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 1



HOME

# Fuel supply stable, enforcement stepped up in East Malaysia

The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has ensured that fuel supply remains sufficient to meet public demand through an effective nationwide daily monitoring system, and will continue to strengthen enforcement in Sabah, Sarawak and Labuan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT




*Azman (right), said there have been no fuel shortages so far despite increased demand at several petrol stations following the recent festive season.*

# KPDN: Fuel supply stable

## Monitoring stepped up in Sabah, Sarawak and Labuan

**BAU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has ensured that fuel supply remains sufficient to meet public demand through an effective nationwide daily monitoring system, and will continue to strengthen enforcement in Sabah, Sarawak and Labuan, said director-general Datuk Azman Adam.**

He said there have been no fuel shortages so far despite increased demand at several petrol stations following the recent festive season.

"The public need not worry as, although demand has increased, the situation remains under control, with daily monitoring carried out to ensure any issues are detected and addressed promptly," he told reporters after inspecting a petrol station here yesterday, which was also attended by KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin.

He said enforcement in Sabah, Sarawak and Labuan is necessary to strengthen control over fuel supply, particularly diesel, in order to ensure supply continuity, prevent disruptions, and curb any misappropriation in the market.

He added that the surge in demand, partly driven by the situation in West Asia, has placed some pressure on supply, but the impact is temporary and does not affect overall national supply.

"If leakages are not curbed, it could lead to diesel and petrol being smuggled out or misused by ineligible parties or industries," he said.

The government had previously announced that the subsidised diesel price in Sabah, Sarawak and Labuan would remain at RM2.15 per litre; however, a daily filling limit has been enforced starting yesterday to curb leakages.

The limit varies by vehicle category - 50 litres, 100 litres or 150 litres - to ensure subsidies reach targeted groups.

"The minimum filling limit is set at 50 litres. For vehicles requiring larger amounts, such as lorries, payment must be made at the counter, where the filling limit can be adjusted up to 150 litres," he said.

Monitoring will be conducted at 283 petrol stations in Sarawak, 266 in Sabah and seven in Labuan, in collaboration with the police, Immigration Department and Royal Malaysian Customs Department under Op Tiris 4.0.

Azman said KPDN will also deploy officers on a static basis at stations recording unusually high sales, as well as plainclothes personnel for intelligence-gathering.

These measures are aimed at ensuring the continuity and stability of fuel supply nationwide.

He also urged the public to continue channelling information if there are any suspicious cases involving fuel misappropriation, adding that action will be taken within 24 hours if the reports received are complete.

"If you see foreign vehicles filling up RON95 in large quantities or using containers, do not take matters into your own hands and do not spread it. Report directly to KPDN, as any dissemination may compromise evidence and the success of our investigations," he said.

The government had earlier announced several new enforcement measures effective today to curb fuel subsidy leakages, including a ban on the sale and purchase of RON95 by foreign vehicles, a restriction on the use of international credit and debit cards at self-service pump terminals, and requiring payments to be made only at the counter to control purchases by foreigners. – Bernama

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 1

# Stabling fuel supply, curbing misuse

## New enforcement measures include ban of RON95 sale to foreign vehicles, diesel purchase limit

Sandra Jabok
[illegible]@theborneopost.com



Azman sticks a notice on the ban on the sale and purchase of RON95 petrol for all foreign-registered vehicles, as Matthew (third left) and others look on. – Photo by [illegible]

BAU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has introduced new enforcement measures, effective yesterday, to ensure sufficient fuel supply and to curb misuse.

KPDN Enforcement director-general Datuk Azman Adam said the measures include a ban on the sale and purchase of RON95 petrol for all foreign-registered vehicles.

"Previously, enforcement action was taken only against petrol station operators if sales were made to foreign vehicles. We have now introduced a fairer law, where buyers will also face action as some use various tactics and methods to obtain RON95 fuel.

"If we find that sellers are also involved or complicit, both parties can be penalised," he told reporters after a walkabout at Petronas Tasik Biru here yesterday.

Also present was KPDN Sarawak director Matthew Dominic Baris.

Azman said effective April 1, petrol stations and oil companies have also begun enforcing a restriction on the use of international credit and debit cards at the self-service payment terminals.

"We have enforced a ban where international credit and debit cards cannot be used at the self-service payment terminals. Foreign customers must now proceed to the counter to make payment.

"Based on KPDN case statistics, most cases involving foreign vehicle owners purchasing RON95 were carried out through outdoor payment terminals.

> Previously, enforcement action was taken only against petrol station operators... We have now introduced a fairer law, where buyers will also face action...
>
> – Datuk Azman Adam

"This restriction will be implemented in stages. Some petrol stations are fully ready, while others are still configuring their systems. In the near future, all stations will enforce the restriction," he said.

He also announced that new daily limits on diesel purchases have been introduced at petrol stations, including in Sarawak, Sabah and Labuan.

For diesel-powered vehicles, pickup trucks are allowed up to [illegible] litres per refuel. Commercial vehicles of three tonnes and below are limited to [illegible] litres per refuel, while those above three tonnes are capped at [illegible] litres.

• Turn to Page 2, Col 1

# 'Cooperation from petrol station operators encouraging but improvements needed'

• From Page 1

"This control is necessary to prevent supply disruptions and curb smuggling, especially as demand for diesel and petrol has surged following incidents in West Asia.

"If left unchecked, controlled items such as diesel and petrol could be smuggled out or misused by ineligible parties and industries," he said.

On enforcement in Sarawak, Azman said cooperation from petrol station operators has been encouraging, although improvements are still needed.

"For instance, notices on diesel filling limits should be displayed more clearly and prominently so that the public can easily understand them. We also suggest the use of graphics or visual displays to improve public awareness," he said.

He noted that there are [illegible] petrol stations in Sarawak, [illegible] in Sabah, and seven in Labuan, all of which will be monitored starting today.

Nationwide, [illegible] KPDN enforcement officers will be deployed, supported by other agencies including the police.

In addition, KPDN has also launched Ops Tiris 2.0, an integrated operation involving more systematic and strategic collaboration with enforcement agencies.

Existing monitoring method such as inspection of station logbooks will also continue, he said.

"This initiative is to ensure that the public continues to enjoy uninterrupted access to petrol and diesel. In certain cases, if a station shows unusual sales increases we may deploy officers on a static basis to monitor operations directly.

"This includes placing intelligence officers on what is actually taking place at the station," he said.

Azman also urged the public not to take matters into their own hands if they witness suspicious activities.

"If you see any suspicious activity, such as foreign vehicles filling RON95 or large quantities of fuel being pumped into containers, do not act on your own or circulate it on social media. Report it directly to KPDN.

"KPDN will take action within [illegible] hours, provided the information given is complete. We do not want evidence to be destroyed in a way that could disrupt or affect our investigations," he said.

He added that KPDN in Putrajaya will operate seven days a week starting today.

"Enforcement efforts involve not only KPDN but also other agencies including the police, Road Transport Department, border control agencies, Immigration Department, Customs Department and the Sarawak Security and Enforcement Unit," he added.

Members of the public can channel information or lodge complaints via [illegible] days a week, through WhatsApp at [illegible], toll-free line at [illegible] or through the Ez Aduan application.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 3



Datuk Azman Adam (right) with Matthew Dominic Barin (left) at the Tasik Biru Petronas petrol station on Wednesday. — Bernama photo

theborneopost#digipapers.m

# Fuel supply stable, enforcement stepped up in East Malaysia

**BAU:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has ensured that fuel supply remains sufficient to meet public demand through an effective nationwide daily monitoring system, and will continue to strengthen enforcement in Sabah, Sarawak and Labuan, said director-general Datuk Azman Adam.

He said there have been no fuel shortages so far despite increased demand at several petrol stations following the recent festive season.

"The public need not worry as, although demand has increased, the situation remains under control, with daily monitoring carried out to ensure any issues are detected and addressed promptly," he told reporters after inspecting a petrol station on Wednesday, which was also attended by KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin.

He said enforcement in Sabah, Sarawak and Labuan is necessary to strengthen control over fuel supply, particularly diesel, in order to ensure supply continuity, prevent disruptions, and curb any misappropriation in the market.

He added that the surge in demand, partly driven by the situation in West Asia, has placed some pressure on supply, but the impact is temporary and does not affect overall national supply.

"If leakages are not curbed, it could lead to diesel and petrol being smuggled out or misused by ineligible parties or industries," he said.

The government had previously announced that the subsidised diesel price in Sabah, Sarawak and Labuan would remain at RM2.15 per litre; however, a daily filling limit has been enforced starting today to curb leakages.

The limit varies by vehicle category – 50 litres, 100 litres or 150 litres – to ensure subsidies reach targeted groups.

"The minimum filling limit is set at 50 litres. For vehicles requiring larger amounts, such as lorries, payment must be made at the counter, where the filling limit can be adjusted up to 150 litres," he said.

Monitoring will be conducted at 283 petrol stations in Sarawak, 266 in Sabah and seven in Labuan, in collaboration with the police, Immigration Department and Royal Malaysian Customs Department under Op Tiris 4.0.

Azman said KPDN will also deploy officers on a static basis at stations recording unusually high sales, as well as plainclothes personnel for intelligence-gathering.

These measures are aimed at ensuring the continuity and stability of fuel supply nationwide.

He also urged the public to continuechannellinginformation if there are any suspicious cases involving fuel misappropriation, adding that action will be taken within 24 hours if the reports received are complete.

"If you see foreign vehicles filling up RON95 in large quantities or using containers, do not take matters into your own hands and do not spread it. Report directly to KPDN, as any dissemination may compromise evidence and the success of our investigations," he said.

The government had earlier announced several new enforcement measures effective from 1 April to curb fuel subsidy leakages, including a ban on the sale and purchase of RON95 by foreign vehicles, a restriction on the use of international credit and debit cards at self-service pump terminals, and requiring payments to be made only at the counter to control purchases by foreigners. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 2

# KPDN pertingkat pemantauan di Sabah, S'wak, Labuan

## Setakat ini tiada isu kekurangan bekalan bahan api walaupun terdapat peningkatan permintaan, kata Azman

**BAU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memastikan bekalan bahan api mencukupi bagi memenuhi permintaan rakyat melalui sistem pemantauan harian yang berkesan di seluruh negara, dan akan terus memperkukuh penguatkuasaan di Sabah, Sarawak dan Labuan.**

Ketua Pengarahnya Datuk Azman Adam berkata setakat ini tiada isu kekurangan bekalan bahan api itu walaupun terdapat peningkatan permintaan di beberapa stesen minyak susulan musim perayaan baru-baru ini.

"Orang ramai tidak perlu risau kerana walaupun terdapat peningkatan permintaan, ia adalah terkawal dengan pemantauan turut dijalankan setiap hari bagi memastikan sebarang isu dapat dikesan dan ditangani segera," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di sebuah stesen minyak di sini semalam.

Beliau berkata penguatkuasaan di Sabah, Sarawak dan Labuan perlu sebagai usaha memperkukuh kawalan bekalan bahan api terutamanya diesel bagi memastikan kesinambungan bekalan, tiada gangguan dan tiada penyelewengan berlaku dalam pasaran.

"Permintaan bahan api meningkat dengan mendadak susulan situasi di Asia Barat, sekali gus memberi tekanan kepada bekalan sedia ada.

"Jika ketirisan tidak dibendung, ia boleh menyebabkan diesel dan petrol diseludup keluar serta disalahgunakan oleh pihak atau industri yang tidak layak," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di sebuah stesen minyak di sini, hari ini yang turut dihadiri Pengarah KPDN Sarawak Matthew Dominic Barin.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan harga diesel bersubsidi di Sabah, Sarawak, dan Labuan kekal pada RM2.15 seliter, namun had pengisian harian dikuatkuasakan mulai hari ini bagi membendung ketirisan.

Had tersebut berbeza mengikut kategori kenderaan iaitu 50 liter, 100 liter atau 150 liter bagi memastikan subsidi sampai kepada kumpulan sasaran.



AZMAN

"Had minimum pengisian ditetapkan sebanyak 50 liter sahaja, dan sekiranya pengguna memerlukan jumlah lebih besarcontohnya bagi kenderaan bertangki besar seperti lori mereka perlu membuat pembayaran di kaunter, di mana jumlah pengisian boleh diselaraskan sehingga 150 liter," katanya.

Beliau berkata pemantauan akan dilaksanakan terhadap 283 stesen minyak di Sarawak, 266 di Sabah dan tujuh di Labuan, dengan kerjasama agensi lain termasuk polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia menerusi Operasi Tiris 4.0.

Katanya, pihak KPDN akan mula menempatkan pegawai secara statik di stesen minyak yang mencatatkan peningkatan jualan luar biasa, selain menugaskan pegawai tidak beruniform bagi tujuan risikan untuk mendapatkan maklumat sebenar operasi di lokasi tersebut.

Sementara itu, Azman meminta orang ramai supaya terus menyalurkan maklumat jika terdapat sebarang kes mencurigakan berkaitan penyelewengan bahan api, dan tindakan akan diambil dalam tempoh 24 jam sekiranya laporan diterima lengkap.

"Sekiranya terlihat kenderaan asing mengisi RON95 dalam kuantiti besar atau menggunakan tong, jangan ambil tindakan sendiri dan jangan tularkan. Lapor terus kepada pihak KPDN kerana sebarang penyebaran boleh menjejaskan bukti dan kejayaan siasatan kami," katanya.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan beberapa langkah penguatkuasaan baharu bermula hari ini bagi membendung ketirisan subsidi bahan api termasuk larangan penjualan dan pembelian RON95 oleh kenderaan asing, tidak membenarkan penggunaan kad kredit dan debit antarabangsa di terminal pam layan diri dan pembayaran hanya dibenarkan di kaunter bagi mengawal pembelian oleh warga asing. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 4

# Diesel purchase limits come into force

BY NEVILLE TIMOTHY SANDERS
tribunenew2019@gmail.com



AZMAN (second right) during a compliance inspection at a petrol station in Bau.

KUCHING: Diesel purchase limits came into force across Sabah, Sarawak and Labuan yesterday, marking a key move by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) to safeguard subsidised fuel supply and curb misuse.

Under the new measure effective April 1, different caps are imposed based on vehicle categories.

Pick-up vehicles are allowed to purchase up to 50 litres, while commercial vehicles below three tonnes are limited to 100 litres and those above three tonnes can fill up to 150 litres.

KPDN director-general Datuk Azman Adam said the limits are aimed at ensuring sufficient supply in the three regions, where diesel remains subsidised at RM2.15 per litre, while preventing smuggling and misuse amid rising global demand.

"To ensure stability and avoid any disruption in supply, we must put in place controls, especially when demand has surged due to external factors," he said during a compliance inspection at a petrol station in Bau, yesterday which was also attended by KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin.

To support the enforcement of the new measures, Azman said KPDN has deployed 2,400 enforcement officers nationwide, with continuous monitoring carried out at petrol stations, including checks on sales patterns, logbooks and closed-circuit television (CCTV) footage.

He added that stations recording unusual spikes in fuel sales would be subjected to closer scrutiny, including the possible placement of officers on-site as well as undercover personnel to gather intelligence.

"The enforcement effort is further strengthened through Ops Tiris 4.0, a coordinated operation involving multiple agencies such as the police, Customs, Immigration and border enforcement authorities to tackle fuel smuggling and related offences more effectively," he added.

Azman noted that cooperation from industry players has been encouraging, particularly in Sarawak, although improvements are still needed in areas such as clearer signage on diesel limits and more effective public communication.

He pointed out that some petrol stations have already configured their pump systems to automatically cap fuel purchases, requiring customers seeking higher quantities to proceed to the counter for approval.

"At the same time, the public has been urged to play a role by reporting suspicious activities, including bulk purchases or attempts by ineligible parties to obtain subsidised fuel.

"Do not take matters into your own hands. Report directly to KPDN and we will take action within 24 hours, provided the information is complete," he said.

KPDN has also activated its operations room in Putrajaya, which will run daily, alongside existing complaint channels including hotline, WhatsApp and toll-free services to facilitate public reporting.

Azman assured that there is no nationwide fuel shortage, adding that any temporary disruptions are typically due to logistical factors or seasonal demand, and will be investigated promptly to determine the cause.

The latest measures are part of the government's broader efforts to ensure subsidised fuel reaches its intended beneficiaries while maintaining a stable and sufficient supply for consumers.

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 2/4/2026

M/SURAT: 12

ke enggau tuju nyidi stesyen ba minyak diatu bisi nambah ngenegapka kerejasama tiga taun tauka kedua-dua pengari ari PETRONAS.

# RON95 'dikunchi': Kad kredit, debit antarabansa ditagang kena meli ba pam petrol berengkah 1 April



DITERIT: Azman ngelekatka jaku tangkan bekaul enggau perengka pengangkut ke berejista menua luar diatu ditagang meli minyak petrol RON95 besubsidi di Malaysia berengkah 1 April, seraya dikemataka Matthew (tiga ari kiba). —Gambar Roystein Emmor

**KUCHING:** Semua perengka pengangkut ke berejista menua luar diatu ditagang meli minyak petrol RON95 besubsidi di Malaysia berengkah kemari (1 April), berindik ari penerit atur baru ti nyekat ngena kad kredit enggau debit antarabansa ba terminal pam servis kediri.

Ketuai Direktor Penerit Undang-Undang, Opis Menteri Dagang Dalam Menua enggau Kos Pengidup (KPDN), Datuk Azman Adam madahka, pengawa nya dipejalaika dikena ngenegapka agi atur ke udah bisi, ti ngemuntangka atur dipejalaika ngagai pemeli enggau operator stesyen minyak ke bisi kaul enggau transaksyen RON95 ke enda nitihka undang-undang.

Nitih ke iya, chara nya beguna amat dikena nentuka bekal RON95 meruan tegap, kelebih agi dalam gaya ekonomi dunya ti enda meruan.

"Pengawa tu dipejalaika dikena nentuka empas ari rega minyak ti niki enggau penyuntuk minyak sama rata laban gaya ekonomi dunya ti enda meruan ketegal penyarut ba Asia Barat ti majak nyadi," ku iya.

Iya madahka pekara nya ba aum pengarang berita, pengudah matau Stesyen Minyak PETRONAS Tasik Biru di Bau ti disempulang Direktor KPDN Sarawak, Matthew Dominic Barin sereta pengereja pengawa KPDN enggau pengari PETRONAS, kena Hari Tiga.

Azman nyemetak madahka tuju atur tu dipejalaika mega setipak enggau juluk perintah deka ngenukuka bekal nya di menua tu meruan tegap sereta ulih terus napi guna rayat.

"Chara tu dipejalaika dikena nutup peluang manipulasyen enggau sebarang penanggul tiris minyak kelebih agi RON95 ba stesyen minyak di selampur menua laban minyak nya semina ungkup rayat Malaysia nyengkaum kitai di Sarawak.

"Enti rayat menua luar deka ngena kad antarabansa, sida patut bebayar ba kaunter.

"Tu dipejalaika berenggat laban bisi sekeda stesyen minyak ti udah sedia amat, lalu bisi mega ti agi dalam proses konfigurasyen sistem," ku iya seraya ngarapka semua stesyen minyak deka ngemeratka atur nagang nya enda lama agi.

KPDN ngingatka operator stesyen minyak ngambika seruran nitihka atur nya dikena nentuka bekal RON95 ulih terus diasaika rayat.

Sebedau tu, ku Azman, atur semina ulih dipejalaika ba operator stesyen minyak enti bisi pengawa nyual RON95 ngagai perengka pengangkut ari menua luar.

"Tang pengudah dipejuraika Datuk Armizan (Menteri KPDN Datuk Armizan Mohd Ali) kena 29 Januari taun tu, kitai udah meri kelala chara ti enda bechiping, iya nya pemeli mega ulih ditinggang ukum," ku iya.

Nitih ke iya, KPDN bisi nemu sekeda pemeli ngena mayuh macham chara dikena nentuka bulih bekal RON95.

"Nya alai, enti kitai temuka bisi subahat entara penyual enggau pemeli, sednai nya sama ulih ditinggang ukum. Undang-undang tu berengkah dipejalaika sehari tu (1 April)," ku iya.

Iya madah perintah diatu nanggung subsidi minyak ti chukup besai ti dipelaba manggai entara RM4 ngagai RM5 bilion sebulan kelebih agi petrol RON95 enggau diesel.

Subsidi tu patut diasaika rayat Malaysia sereta enda salah guna sekeda orang, ku iya.

Nitih ke iya, chara nya sebagi ari Ops Tiris 4.0 di selampur menua, iya nya operasyen ke udah diserariska kena nagang penyalah salah guna minyak besubsidi.

Ku iya, kurang lebih 2,000 iku pemesai penerit undang-undang KPDN udah dipinta matau di selampur menua sereta disukung ari agensi bukai nyengkaum polis.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 2/4/2026

M/SURAT: 17

# Kad kredit asing disekat pam RON95

**Kuala Lumpur:** Penguatkuasaan sekatan pembelian petrol RON95 menggunakan kad kredit dan kad debit asing di terminal layan diri pam minyak dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negara mulai semalam.

Langkah terbaharu itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan bagi memperkasa mekanisme pemberian subsidi bahan api itu di Malaysia susulan krisis tenaga global.

Tinjauan di beberapa negeri khususnya yang bersempadan dengan negara jiran mendapati Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) giat melaksanakan operasi penguatkuasaan dan pemantauan di stesen minyak.

Di **SARAWAK**, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam melakukan tinjauan pelaksanaan peraturan baharu itu di Tasik Biru, Bau, yang terletak kira-kira 25 kilometer dari bandar raya Kuching.

Beliau berkata, kerjasama diberi pengusaha stesen minyak termasuk di Sarawak terhadap pelaksanaan kawalan pengisian petrol dan diesel adalah sangat baik.

Dalam masa sama, beliau berkata, ada beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat kepada orang ramai berhubung larangan terbaharu itu.

"Antara cadangan termasuk memperbesar paparan arahan berkaitan had pengisian petrol dan diesel di stesen minyak supaya lebih jelas dan mudah difahami pengguna, selain penggunaan bahan komunikasi berbentuk grafik agar penyampaian maklumat lebih menarik dan berkesan," katanya.

Di **JOHOR**, Pengarah KPDN negeri Lilis Saslinda Pornomo berkata 180 penguat kuasa melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan di lapangan khususnya di kawasan titik panas dan pintu sempadan negeri itu.

Beliau berkata, pemantauan di semua 639 stesen minyak terus dipertingkat menerusi rondaan harian.

Sementara itu, di **KELANTAN**, pengurus sebuah stesen minyak di Kampung Belukar, Tumpat di sini, Ku Muhammad Farid Aidil Ku Din berkata, semua petugas di stesen itu sudah diberi taklimat berhubung penguatkuasaan terbabit.

"Kami tidak berdepan masalah untuk melaksanakannya," katanya.

Tinjauan Bernama di beberapa stesen minyak juga mendapati penguat kuasa KPDN Kelantan giat melakukan pemantauan secara berkala di semua stesen minyak sejak awal pagi tadi terutama di lokasi berhampiran sempadan Malaysia-Thailand.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 2/4/2026

M/SURAT: 17



PEGAWAI penguat kuasa KPDN menampal poster larangan jualan dan pengisian minyak petrol RON95 bagi kenderaan pendaftaran asing di stesen minyak di Tumpat.

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

### KENDERAAN ASING DIKESAN ISI RON95

# Sorok tong dalam plastik

**Kota Bharu**

Terdapat beberapa kenderaan terutama motosikal dengan nombor pendaftaran Thailand masih mengisi petrol RON95 walaupun sudah dilaksanakan larangan penjualan minyak itu bagi kenderaan pendaftaran asing bermula, semalam.

Tinjauan di beberapa stesen minyak berdekatan pintu sempadan Malaysia-Thailand, semalam, mendapati masih ada segelintir pemilik kenderaan pendaftaran asing yang mengisi RON95.

Apabila wartawan menanyakan situasi berkenaan kepada salah seorang pekerja stesen minyak, mereka memberi alasan tidak perasan bahawa motosikal berkenaan bernombor pendaftaran asing kerana pelanggan yang ramai.

Hasil tinjauan di lokasi sama, ada modus operandi berbeza apabila pemilik motosikal asing akan meletakkan kenderaannya dengan jarak 100 meter (m) dari stesen minyak sebelum berjalan sambil membawa tong kecil yang disembunyikan dalam plastik hitam.

Individu berkenaan kemudian mengisi RON95 ke dalam tong terbabit sebelum segera kembali ke motosikal dan berlalu pergi. Namun, dalam tempoh satu jam, individu itu kembali dan mengulang tindakan sama.

Sementara itu, bagi Azhar Abdullah, 48, dia mengakui suasana di beberapa stesen minyak di Rantau Panjang lengang sejak pagi semalam dan majoriti kenderaan asing mula mengisi minyak RON97.

"Ada beberapa stesen minyak yang tegas dengan tidak membenarkan kenderaan asing mengisi RON95, namun menjadi kebiasaan juga untuk melihat ada pemilik kenderaan yang melanggar peraturan berkenaan terutama ketika ketiadaan pihak berkuasa.

"Begitu juga dengan kenderaan seludup biasanya guna Proton Waja atau Mitsubishi Pajero yang mengisi minyak dalam tempoh yang sangat lama, malah mereka dilihat seperti menguasai stesen minyak berkenaan.

"Bagaimanapun, saya sendiri melihat satu perubahan positif apabila situasi terbabit dilihat semakin berkurangan selain berharap agar pihak penguasa berkaitan terus menjalankan operasi berkala bagi menghalang ketirisan petrol," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, bermula semalam, kenderaan berpendaftaran asing tidak lagi dibenarkan membeli RON95.

Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 8

# Diesel di Semenanjung RM6.02

**Harga RON97 turun 2 sen manakala RON95 kekal pada paras RM3.87 seliter**

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

**PUTRAJAYA** - Harga runcit bagi diesel di Semenanjung terus meningkat pada RM6.02 seliter bagi tempoh 2 hingga 8 April susulan krisis tenaga dunia yang berlanjutan.

Ia menyaksikan peningkatan sebanyak 50 sen berbanding tempoh sebelumnya, RM5.52 seliter.

Kementerian Kewangan (MoF) menerusi kenyataan memaklumkan, krisis berkenaan telah mendorong lonjakan harga minyak mentah Brent global melebihi 40 peratus sehingga melepasi paras AS$100 setong.

"Lebih kritikal, harga minyak yang diproses bagi petrol dan diesel juga melambung tinggi masing-masing pada harga AS$150 setong dan AS$250 setong, sekali gus memberi tekanan kepada harga jualan runcit bagi kedua-dua produk berkenaan," katanya pada Rabu.

Ujar MoF, harga runcit bagi RON97 menurun sebanyak 2 sen menjadikannya pada kadar baharu, RM4.95 seliter berbanding sebelum ini, RM5.15 manakala harga runcit RON95 tanpa subsidi kekal pada paras RM3.87 seliter.

"Kerajaan masih mengekalkan harga bersubsidi secara bersasar kepada rakyat dan sektor tertentu seperti seperti RON95 (BUDI95) pada kadar RM1.99, diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan (RM2.15), Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (RM2.05) dan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (RM2.15) bagi setiap liter," jelas MoF.

Kementerian Kewangan turut melaksanakan had pengisian diesel bagi mengekang ketirisan dan penyeludupan di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Bagi kenderaan ringan pengangkutan darat awam barangan dan persendirian, ia dihadkan sehingga 50 liter setiap pembelian dan kenderaan pengangkutan darat awam serta barangan tidak melebihi tiga tan pula dibenar sehingga 100 liter pada setiap pembelian.

"Kenderaan yang melebihi tiga tan dibenar membuat pembelian sehingga 150 liter setiap kali," katanya.

Sebagai langkah interim juga, kerajaan sedang mempertimbang langkah-langkah jangka sederhana dan panjang bagi memastikan mekanisme subsidi kekal mampan, telus dan memanfaatkan rakyat dengan mengambil kira perkembangan semasa krisis tenaga global serta implikasi terhadap pasaran tenaga global.

"Kerajaan komited untuk memastikan rakyat tidak menanggung sepenuhnya kesan kenaikan harga minyak global.

"Sejak krisis Asia Barat meletus, kerajaan tidak mengapungkan sepenuhnya harga runcit di pam malah masih menampung sebahagian kos subsidi petrol dan diesel bagi tempoh tiga minggu berturut-turut," jelas MoF.

Justeru katanya, usaha mengekalkan harga petroleum bersubsidi kepada rakyat serta sektor tertentu akan terus diperkukuh bagi membendung kenaikan harga barangan dan melindungi kesejahteraan rakyat.




Peningkatan itu adalah yang paling tinggi dalam sejarah.



Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 6

# Bekalan bahan api stabil, pemantauan dipertingkat - KPDN

**BAU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memastikan bekalan bahan api mencukupi bagi memenuhi permintaan rakyat melalui sistem pemantauan harian yang berkesan di seluruh negara, dan akan terus memperkukuh penguatkuasaan di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azman Adam berkata, setakat ini tiada isu kekurangan bekalan bahan api itu walaupun terdapat peningkatan permintaan di beberapa stesen minyak susulan musim perayaan baru-baru ini.

"Orang ramai tidak perlu risau kerana walaupun terdapat peningkatan permintaan, ia adalah terkawal dengan pemantauan turut dijalankan setiap hari bagi memastikan sebarang isu dapat dikesan dan ditangani segera," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di sebuah stesen minyak di sini pada Rabu.

Menurut Azman, penguatkuasaan di Sabah, Sarawak dan Labuan perlu sebagai usaha memperkukuh kawalan bekalan bahan api terutamanya diesel bagi memastikan kesinambungan bekalan, tiada gangguan dan tiada penyelewengan berlaku dalam pasaran.

"Permintaan bahan api meningkat dengan mendadak susulan situasi di Asia Barat, sekali gus memberi tekanan kepada bekalan sedia ada.

"Jika ketirisan tidak dibendung, ia boleh menyebabkan diesel dan petrol diseludup keluar serta disalahgunakan oleh pihak atau industri yang tidak layak," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di sebuah stesen minyak di sini pada Rabu, yang turut dihadiri Pengarah KPDN Sarawak, Matthew Dominic Barin.



AZMAN

Kerajaan sebelum ini mengumumkan harga diesel bersubsidi di Sabah, Sarawak, dan Labuan kekal pada RM2.15 seliter, namun had pengisian harian dikuatkuasakan mulai hari ini bagi membendung ketirisan.

Had tersebut berbeza mengikut kategori kenderaan iaitu 50 liter, 100 liter atau 150 liter bagi memastikan subsidi sampai kepada kumpulan sasaran.

"Had minimum pengisian ditetapkan sebanyak 50 liter sahaja, dan sekiranya pengguna memerlukan jumlah lebih besar contohnya bagi kenderaan bertangki besar seperti lori mereka perlu membuat pembayaran di kaunter, di mana jumlah pengisian boleh diselaraskan sehingga 150 liter," ujarnya.

Beliau berkata, pemantauan akan dilaksanakan terhadap 283 stesen minyak di Sarawak, 266 di Sabah dan tujuh di Labuan, dengan kerjasama agensi lain termasuk polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia menerusi Operasi Tiris 4.0.

Katanya, pihak KPDN akan mula menempatkan pegawai secara statik di stesen minyak yang mencatatkan peningkatan jualan luar biasa, selain menugaskan pegawai tidak beruniform bagi tujuan risikan untuk mendapatkan maklumat sebenar operasi di lokasi tersebut.

Sementara itu, Azman meminta orang ramai supaya terus menyalurkan maklumat jika terdapat sebarang kes mencurigakan berkaitan penyelewengan bahan api, dan tindakan akan diambil dalam tempoh 24 jam sekiranya laporan diterima lengkap.

"Sekiranya terlihat kenderaan asing mengisi RON95 dalam kuantiti besar atau menggunakan tong, jangan ambil tindakan sendiri dan jangan tularkan. Lapor terus kepada pihak KPDN kerana sebarang penyebaran boleh menjejaskan bukti dan kejayaan siasatan kami," katanya.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan beberapa langkah penguatkuasaan baharu bermula hari ini bagi membendung ketirisan subsidi bahan api termasuk larangan penjualan dan pembelian RON95 oleh kenderaan asing, tidak membenarkan penggunaan kad kredit dan debit antarabangsa di terminal pam layan diri dan pembayaran hanya dibenarkan di kaunter bagi mengawal pembelian oleh warga asing. - *Bernama*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 21

# 'Hari ini lengang, KPDN ada'



MAHADI



KU MUHAMAD FARID

**Penduduk kesal ada rakyat tempatan ambil peluang jual bahan api ke Thailand**

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN



**Kehadiran penguat kuasa KPDN di stesen minyak berhampiran sempadan dapat mengurangkan aktiviti penyeludupan RON95.**

**TUMPAT** - "Hari ini lengang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ada."

Demikian kata-kata orang ramai setiap kali tiba di sebuah stesen minyak terletak beberapa kilometer dari sempadan Malaysia-Thailand ketika tinjauan bersama agensi berkenaan di sini pada Rabu.

Ini berikutan dakwaan orang ramai akan memenuhi stesen minyak tersebut setiap hari untuk mendapatkan RON95 diisi ke tangki kenderaan masing-masing sama ada diubah suai atau tidak sebelum dijual kepada pembeli dari negara jiran.

Sikap tidak bertanggungjawab segelintir rakyat tempatan yang mengambil kesempatan harga RON95 serendah RM3.87 seliter tanpa subsidi manakala RM1.99 bagi Budi95 berbanding harga RM4.24 seliter di Thailand.

Peluang tersebut digunakan oleh penyeludup mengaut keuntungan dengan menjual bahan api kepada negara jiran.

Penduduk, Mahadi Mohd Nor, 53, mengakui kecewa melihat rakyat tempatan terlibat dengan kegiatan penyeludupan seolah-olah mensabotaj subsidi diberikan kerajaan.

"Hasil pemerhatian saya, lori tangki akan datang setiap hari memunggah minyak di stesen minyak ini setiap hari. Sampai hari ini, esok sampai pula. Ini kerana ada penduduk beli minyak jual dan jual semula ke negara jiran.

"Harapan saya kalau boleh pihak berkuasa kena sentiasa buat pemantauan. Hari ini, stesen minyak tiada orang sebab ada anggota KPDN," katanya.

Dia juga mendakwa aktiviti tersebut berlarutan selepas ada sesetengah pemilik stesen minyak sendiri dipercayai seperti memberi kerjasama dan tidak memantau perkara tersebut.

Pengusaha dan pengurus stesen minyak di Wakaf Bharu, Ku Muhamad Farid Aidil Ku Din berkata, sebagai pengusaha pihaknya sering mengingatkan kakitangan supaya memastikan tiada ketirisan berlaku.

"Sebagaimana hari ini bermula 1 April, kami tidak dibenarkan menjual minyak RON95 kepada kenderaan asing kecuali melibatkan RON97 dan diesel, bagaimanapun ia mempunyai had.

"Sebagai pengusaha, arahan ini tidak sukar dituruti dan ia sebagai sokongan kepada tindakan kerajaan bagi memastikan barangan subsidi yang menjadi hak rakyat tidak disalah gunakan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 21

# Warga asing guna tong putih ganti kenderaan beli RON95



Penguat kuasa KPDN Kelantan memantau orang ramai yang mengisi minyak di sempadan Malaysia-Thailand.

**RANTAU PANJANG** - Warga asing dikesan menggunakan tong plastik untuk membeli RON95 di stesen minyak di sempadan negara sebagai ganti selepas kerajaan menguatkuasakan larangan penjualan dan pembelian kepada kenderaan pendaftaran asing bermula Rabu.

Tinjauan *Sinar Harian* di sempadan mendapati, beberapa penunggang dari negara jiran meninggalkan motosikal mereka sekitar 50 hingga 100 meter dari stesen minyak sambil membawa tong putih.

Selepas mengisi minyak ke dalam tong, penunggang terbabit menaiki motosikalnya semula sebelum melepasi Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS).

Tinjauan juga mendapati tidak lebih 20 kenderaan asing mengisi diesel di beberapa stesen minyak di sempadan membabitkan pikap dan van pelancong.

Jumlah tersebut didakwa tidak sebanyak hari biasa dan berkemungkinan susulan tindakan kerajaan melarang kenderaan asing membeli RON95 di negara ini.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan pemandu kenderaan asing yang membeli petrol RON95 bakal berdepan tindakan undang-undang apabila dikuatkuasakan mulai 1 April.

Sementara itu, KPDN menggerakkan 140 anggota ke 248 stesen minyak di negeri ini termasuk di sempadan Malaysia-Thailand bagi membanteras kes penyelewengan bahan api bersubsidi.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, langkah itu selaras larangan penjualan RON95.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 4




*A Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry officer checking the sale of RON95 at a petrol station in Johor Baru yesterday.* BERNAMA PIC

RON95 BAN FOR FOREIGN VEHICLES

# Checks at all Johor petrol stations

**JOHOR BARU:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) has stepped up monitoring of all 639 petrol stations in the state following the enforcement of the RON95 petrol sales ban on foreign-registered vehicles effective yesterday.

State director Lilis Saslinda Pornomo said heightened surveillance would focus on 31 petrol stations near the Singapore border.

"We are enhancing existing monitoring, including deploying motorcycle patrol teams and increasing the presence of enforcement officers. Monitoring is being conducted at all petrol stations, particularly in border areas and other high-risk locations, with over 180 enforcement officers stationed across Johor," she said yesterday.

Lilis Saslinda said petrol station operators in the state had been notified of the sales ban in advance, with information shared through major oil companies and operators.

"We believe operators are well-informed, as the directive has been publicised and communicated widely. Oil companies have even held engagement sessions with their dealers and station operators to ensure compliance," she said. Follow-up inspections would also be carried out to ensure that all petrol stations displayed notices regarding the ban.

"We will continue ground inspections to confirm that operators display the notices and that station staff are aware of the implementation, especially at locations frequented by foreign vehicles," she added.

Checks by the *New Straits Times* at city petrol stations found that drivers of foreign-registered vehicles, particularly Singaporeans, were complying with the new regulation.

A Singaporean, identified only as Sajali Ali, 43, said he was aware of the enforcement as he frequently visited Johor Baru.

"Besides shopping, I come to Johor Baru to celebrate Hari Raya with my mother's side of the family. They informed me about the enforcement. For me, it is not an issue because I have always purchased RON97 anyway," he said.

Earlier, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the government would expand the enforcement of the RON95 petrol ban on foreign-registered vehicles.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE EDGE MALAYSIA

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 17

# Ban on foreign credit, debit cards for RON95 purchases at pumps takes effect

Bernama

KUALA LUMPUR (April 1): The restriction on the purchase of RON95 petrol using foreign credit and debit cards at self-service terminals at petrol stations is being enforced in stages nationwide from Wednesday.

The latest measure is part of the government's efforts to strengthen the fuel subsidy mechanism in Malaysia following the global energy crisis.

Checks in several states, particularly those bordering neighbouring countries, found that the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is actively carrying out enforcement and monitoring operations at petrol stations.

Petrol stations appear well-prepared and are complying with regulations governing the use of foreign credit and debit cards for RON95 purchases at self-service terminals.

In Sarawak, KPDN enforcement director general Datuk Azman Adam visited a petrol station in Tasik Biru, Bau, located about 25km from Kuching city.

He said petrol station operators have been highly cooperative in complying with the ministry's directives, but noted that further improvements are needed.

"Among the proposals are to make instructions on petrol and diesel filling limits at petrol stations clearer and more visible, as well as to use graphics to better convey information," he told reporters.

According to Azman, a total of 283 petrol stations in Sarawak will continue to be monitored to ensure compliance with the guidelines.

In Johor, state KPDN director Lilis Saslinda Pornomo said 180 enforcement officers are conducting inspections and monitoring, particularly in hotspot areas and border entry points in the state.

She said monitoring at all 639 petrol stations in the state will also be intensified through daily patrols, including outreach efforts and reminders to foreign vehicle owners.

Meanwhile, in Kelantan, manager of a petrol station in Kampung Belukar, Tumpat, Ku Muhammad Farid Aidil Ku Din, said all staff have been briefed on the enforcement measures. "We have not encountered any issues. We welcome the government's initiative to ensure that RON95 remains readily available to local residents," he told reporters.

*Bernama* checks found that KPDN enforcement officers have been actively monitoring all petrol stations since early this morning, particularly those near the Malaysia-Thailand border.

**Read the full story**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 1

cabaran luar biasa susulan krisis tenaga ... kesan kepada rakyat. – Bernama

# Sekatan beli RON95 guna kad kredit, debit asing bermula

KUALA LUMPUR: Penguatkuasaan sekatan pembelian petrol RON95 menggunakan kad kredit dan kad debit asing di terminal layan diri pam minyak dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negara bermula Rabu.

Langkah terbaharu itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan bagi memperkasa mekanisme pemberian subsidi bahan api itu di Malaysia susulan krisis tenaga global.

Tinjauan di beberapa negeri khususnya yang bersempadan dengan negara jiran mendapati Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) giat melaksanakan operasi penguatkuasaan dan pemantauan di stesen minyak.

Selain operasi pemantauan, pengusaha stesen minyak juga dilihat sudah bersedia selain mematuhi peraturan berkaitan sekatan penjualan petrol RON95 menggunakan kad kredit dan kad debit asing di terminal layan diri. – Bernama

Copyright

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 1

# 'No' to foreign cards at kiosks

KUALA LUMPU: The restriction on the purchase of RON95 petrol using foreign credit and debit cards at self-service terminals at petrol stations is being enforced in stages nationwide from today.

The latest measure is part of the government's efforts to strengthen the fuel subsidy mechanism in Malaysia following the global energy crisis.

Checks in several states, particularly those bordering neighbouring countries, found that the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is actively carrying out enforcement and monitoring operations at petrol stations.

Petrol stations appear well-prepared and are complying with regulations governing the use of foreign credit and debit cards for RON95 purchases at self-service terminals

3OAB965CE1A

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 5

# Charged with possessing counterfeit lubricants

PETALING JAYA: A company and its two directors were charged in the Sessions Court here for allegedly possessing 229 units of counterfeit car lubricants bearing well-known trademarks last year.

M Perfect Lubricant Sdn Bhd, represented by its directors Khoo Zhi Sheng, 42, and Yap Kok Lim, 43, who were also named as the persons sued (OKS), pleaded not guilty to the charges before Judge Dr Syahliza Warnoh.

According to the charges, they were found in possession of 229 units of car lubricants for commercial purposes, which were suspected of using registered trademarks without authorisation.

The offence was allegedly committed at the company's premises in Taman Perindustrian Jaya at 11.45 am on April 29, 2025.

They were charged under Section 102(1)(c) of the Trademarks Act 2019 [Act 815], which is punishable under Section 102(1)(i) of the same Act. Upon conviction, the offence carries a fine of up to RM15,000 per item, or up to RM30,000 per item for repeat offences.

The prosecution was conducted by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) prosecuting officer Salim Wahid, while both OKS were represented by lawyer Khaw Thian Keat.

Judge Syahliza allowed bail of RM7,500 with one surety for each OKS, along with additional conditions requiring them to report to the KPDN office in Putrajaya once a month until the disposal of the case.

They were also ordered not to interfere with prosecution witnesses. The court fixed May 8 for mention. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 3

# Subsidised cooking oil seized in LD

**Azmie Lim**

LAHAD DATU: Marine Police seized 1,088 packets of cooking oil estimated worth RM42,790 following an operation at Kampung Atiam, here, on Sunday.

A 61-year-old local lorry driver was arrested in the 3.10pm operation. The lorry's cargo was covered by canvas inside which were several black plastic sheets.

"Further inspection found 64 boxes of cooking oil each containing 17 packets of cooking oil.

"The lorry's driver failed to produce any documents or permits from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living to transport or store the subsidised items," said Marine Police Force. The case would be investigated under the Control of Supplies Act 1961.

Marine Police remain committed in combating misappropriating activities involving subsidised items in order to protect the interests of the people and the country.



The lorry loaded with cooking oil detained in Lahad Datu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 13

MILIKI 229 MINYAK PELINCIR KENDERAAN TIRUAN

# Syarikat, dua pengarah didakwa

**Petaling Jaya:** Sebuah syarikat dan dua pengarah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan memiliki 229 minyak pelincir kenderaan tiruan, tahun lalu.

Syarikat M Perfect Lubricant Sdn Bhd yang diwakili pengarah Khoo Zi Sheng, 42, dan seorang lagi pengarah Yap Kok Lim, 43, selaku Orang Kena Saman (OKS) mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Dr Syahliza Warnoh.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa mempunyai 229 unit minyak pelincir kenderaan dua jenama terkenal yang merupakan suatu cap dagangan berdaftar yang dipakaikan dengan salah di bawah Seksyen 100 Akta Cap Dagangan 2019.

Kesalahan didakwa dilakukan di sebuah premis di Taman Perindustrian Jaya di sini, jam 11.45 pagi pada 29 April 2025.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 102(1)(i) akta sama memperuntukkan hukuman denda sehingga RM15,000 bagi setiap barangan dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar itu, manakala denda sehingga RM30,000 bagi kesalahan kedua atau berikutnya.

Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Salim Wahid ikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua OKS serta melapor diri di pejabat KPDN Putrajaya sebulan sekali sehingga kes selesai.

Peguam Khaw Thian Keat mewakili kedua-dua OKS memohon jaminan rendah kerana anak guamnya memberi kerjasama baik sepanjang siasatan.

Mahkamah kemudian membenarkan OKS masing-masing diikat jamin RM7,500 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan serta menetapkan 8 Mei depan untuk sebutan semula kes.

Di Mahkamah Sesyen berasingan, Khoo turut didakwa atas dua pertuduhan sama dan mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Noor Ruzilawati Mohd Nor.

Khoo dibenarkan ikat jamin RM6,000 dengan seorang penjamin selain diarah melapor diri di pejabat KPDN Putrajaya setiap bulan serta tidak mengganggu saksi sehingga kes selesai.

Pada 29 April 2025, Harian Metro melaporkan taktik sindiket membotolkan minyak enjin kenderaan palsu menyerupai jenama popular sebelum diiklankan di platform e-dagang dan bengkel bagi mengaut keuntungan berganda, dibongkar.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# KPDN 禁外国车加 RON95
# 自助泵不再刷国际卡


阿兹曼查看油站公告，列出柴油加油限额：轻型商用车 50 升、小型货车 100 升、大型车辆 150 升。

（古晋 1 日讯）砂拉越国内贸易与生活成本部（KPDN）宣布，自今日（4 月 1 日）起，外国注册车辆禁止在马来西亚购买受补贴的 RON95 汽油，同时自助泵站终端将不再接受国际信用卡或借记卡支付。此举旨在防止补贴燃油被滥用。

首席执法总监拿督阿兹曼·亚当表示，此措施强化现有执法力度，可针对涉及非法销售 RON95 的买家和油站运营者采取行动。

“此前，执法行动仅能针对向外国车出售 RON95 的油站运营者。

“从今天起，如果发现向外国车辆销售 RON95，买卖双方都将被追责，”他在访问 Petronas 碧湖油站后向记者表示。

阿兹曼解释说，禁止国际支付卡的原因是执法统计显示，许多外国驾驶员通过户外支付终端使用国际信用卡或借记卡规避现行规定。根据新系统，这类驾驶员必须在油站柜台完成交易，而不能在自助泵进行。

该措施将分阶段实施，一些油站已完成支付系统更新，其他油站仍在配置中。

这些措施属于全国性的“Ops Tiris 4.0”行动的一部分，该行动协调防止补贴燃油的转移和滥用。全国约有 2,400 名 KPDN 执法人员参与行动，并得到警方等其他机构的支持。

“油站若出现异常销售模式，将会被直接监控，并可能派遣卧底人员核实交易情况。”

“油站的闭路电视系统也将支持执法工作，”他补充说。

涉及受控燃料滥用或非法销售的行为可依《1961 年供应控制法》调查。初犯者可处以高达 100 万令吉罚款或最长三年监禁，公司则可被罚至 200 万令吉。

阿兹曼呼吁公众协助执法，报告可疑行为，例如外国车辆试图加 RON95 或大量汽油被转移到容器中。

# 砂沙纳闽柴油限量
# 保障供应防止滥用燃料



阿兹曼（中）于4月1日在国油碧湖加油站与一名准备按照新限量加油的司机交谈。

（古晋1日讯）国内贸易及生活成本部自今日起，在沙巴、砂拉越及纳闽实施柴油加油限量措施，以确保供应充足并防止补贴燃料被滥用。

执法总监拿督阿兹曼亚当表示，加油限量取决于车辆类型。轻型商用车，如皮卡，每次加油上限为50公升；发动机排量三吨或以下的商用车，每次加油最多可达100公升；三吨以上的大型商用车，每次加油最多150公升。

"这些限量措施旨在确保合法用户的柴油供应充足，并防止转售或非法倒卖，特别是在东马，柴油补贴价格仍维持在每公升RM2.15，"他在访问碧湖国油加油站时表示。

阿兹曼指出，由于中东地区供应中断等因素，柴油需求已大幅增加，因此必须进行严格监控。他强调，这些管控措施对于避免短缺、确保补贴柴油顺利供应给公众至关重要。

此次限量措施是KPDN更广泛执法计划的一部分，在砂拉越监控283个加油站、沙巴266个、纳闽7个。执法人员在警方及其他机构支持下，将进行检查以确保遵守规定。

"加油站若出现异常销售模式，将被直接监控，并可能派遣卧底人员核实交易情况，"他补充说。

他呼吁公众与业界配合新规，并举报任何可疑行为，如试图超量加油或将燃料转用于未授权用途。

"这些措施旨在维护马来西亚公民的柴油供应稳定，任何试图规避规定者都将受到严格执法，"他表示。

ASIA TIMES EST 1995

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 15

# YPNM gesa penguatkuasaan tegas

## *Isu tambang pengangkutan pelancongan*

Oleh JOHN TAMBANAN

**KOTA KINABALU: Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM) Cawangan Sabah menggesa tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan konsisten bagi menangani isu caj tambang pengangkutan pelancongan yang berlebihan serta tidak munasabah.**

Pengerusinya, David Chan berkata, pihaknya menyambut baik pendirian proaktif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam usaha membanteras amalan pencatutan yang semakin membimbangkan.

Menurutnya, pihaknya menerima peningkatan aduan daripada pengguna tempatan dan pelancong berhubung caj yang tidak konsisten, khususnya melibatkan perkhidmatan pengangkutan dari lapangan terbang, pakej pelancongan serta perkhidmatan e-hailing.

"Sekiranya isu ini tidak ditangani dengan segera, ia berpotensi menjejaskan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang adil, telus dan mesra pelancong," menurut kenyataan itu.

Sehubungan itu, YPNM menyokong penuh komitmen KPDN untuk mempergiatkan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap sebarang bentuk manipulasi harga.

Semua penyedia perkhidmatan turut diseru agar mematuhi prinsip harga yang adil serta memastikan maklumat caj dipaparkan secara jelas kepada pengguna sebelum sesuatu perkhidmatan diberikan.

Dalam memperkukuh ekosistem perlindungan pengguna, YPNM mengemukakan beberapa cadangan utama, antaranya:

Penguatkuasaan lebih tegas dan konsisten bagi membanteras amalan caj berlebihan; Paparan harga yang jelas dan telus bagi semua perkhidmatan pengangkutan pelancongan; Kerjasama erat antara KPDN, pihak berkuasa pelancongan serta pihak



DAVID CHAN

berkuasa tempatan; Tindakan segera terhadap pesalah termasuk pengenaan penalti lebih berat sebagai langkah pencegahan.

Pada masa sama, YPNM menggalakkan pengguna dan pelancong agar sentiasa berwaspada serta menyalurkan aduan melalui saluran rasmi KPDN sekiranya berlaku unsur penipuan atau caj tidak munasabah.

Menurutnya, dalam usaha negara memperkukuh sektor pelancongan, aspek ketelusan, integriti dan keadilan perlu terus dipelihara bagi menjamin keyakinan pelancong serta meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa.

YPNM menegaskan komitmennya untuk terus memperjuangkan hak pengguna dan bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam memastikan pasaran yang adil dan telus untuk semua.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 12

# Foreign card ban at pumps strengthens RON95 subsidy system

**KUALA LUMPUR:** The restriction on RON95 petrol purchases using foreign credit and debit cards at self-service pumps, effective Wednesday, is seen as a move to strengthen Malaysia's fuel subsidy mechanism amid global oil price uncertainty driven by geopolitical tensions in West Asia.

Petrol Dealers Association of Malaysia (PDAM) president Datuk Khairul Annuar Abdul Aziz said the measure complements the ban on RON95 sales to foreign-registered vehicles, which also takes effect the same day.

He described the initiative as a practical step to ease monitoring at the retail level while improving station productivity through automated transaction controls.

"This reduces reliance on manual monitoring by staff, especially with manpower constraints, and allows enforcement to be carried out more effectively around the clock.

"It also ensures station operations are more efficient and organised," he told Bernama on Monday.

However, Khairul Annuar said physical monitoring must continue, as some foreign vehicle owners may still use locally issued bank cards.

Earlier, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Enforcement director-general Datuk Azman Adam said purchases of RON95 using foreign credit and debit cards will only be allowed at the counter from Wednesday.

Meanwhile, Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia (PMPM) deputy president Azlin Othman said the payment restriction system is harder to manipulate than conventional methods but must be backed by strict on-ground enforcement.

She also cautioned that loopholes may still exist, including the use of local representatives to carry out transactions.

Azlin said the move signals a need for broader subsidy reform.

"This is not just about plugging leakages, but a clear indication that the current subsidy system is no longer relevant and must be restructured towards a more targeted approach," she said, adding that leakages in RON95 subsidies have caused significant losses to the country.

Federation of Malaysian Consumers Associations (FOMCA) president Datuk Dr N. Marimuthu said the measure could mark an early step towards wider subsidy rationalisation.

"The government must ensure public funds reach those who truly qualify," he said, stressing the need for transparency in policy implementation.

The prolonged West Asia conflict since late February has pushed global crude oil prices up by more than 40 per cent, surpassing US$100 per barrel and raising concerns over supply disruptions. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 4

# Company, two directors charged with possessing counterfeit lubricants

**PETALING JAYA:** A company and its two directors were charged in the Sessions Court on Wednesday for allegedly possessing 229 units of counterfeit car lubricants bearing well-known trademarks last year.

M Perfect Lubricant Sdn Bhd, represented by its directors Khoo Zhi Sheng, 42, and Yap Kok Lim, 43, who were also named as the persons sued (OKS), pleaded not guilty to the charges before Judge Dr Syahliza Warnoh.

According to the charges, they were found in possession of 229 units of car lubricants for commercial purposes, which were suspected of using registered trademarks without authorisation.

The offence was allegedly committed at the company's premises in Taman Perindustrian Jaya at 11.45 am on April 29, 2025.

They were charged under Section 102(1)(c) of the Trademarks Act 2019 [Act 815], which is punishable under Section 102(1)(i) of the same Act. Upon conviction, the offence carries a fine of up to RM15,000 per item, or up to RM30,000 per item for repeat offences.

The prosecution was conducted by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) prosecuting officer Salim Wahid, while both OKS were represented by lawyer Khaw Thian Keat.

Judge Syahliza allowed bail of RM7,500 with one surety for each OKS, along with additional conditions requiring them to report to the KPDN office in Putrajaya once a month until the disposal of the case.

They were also ordered not to interfere with prosecution witnesses. The court fixed May 8 for mention.

In a separate proceeding before Sessions Court Judge Noor Ruzilawati Mohd Nor, Khoo faced a similar charge and was granted bail of RM6,000 with the same reporting conditions. The case was also set for mention on May 8.

On April 29 last year, authorities raided three premises in Ara Damansara and Kepong, suspected of bottling and distributing engine oil using counterfeit trademarks. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 2

# KPDN: Fuel stock enough to meet demand nationwide

**BAU:** Malaysia is not facing a shortage of fuel supply as there is sufficient stock to meet demand nationwide, said Datuk Azman Adam.

The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Enforcement director-general said fuel supply is monitored daily, and overall availability remains stable.

"From the government's assurance, there is no issue in terms of supply for the next one to two months—it is sufficient.

"Any incidents such as delays in tanker arrivals may cause temporary disruptions, but not a shortage," he told reporters after a walkabout at Petronas Tasik Biru here yesterday.

He stressed that the government's fuel subsidy is specifically intended for the people and must be safeguarded to prevent misuse.

"Our subsidy is for our people and we must ensure that supply remains sufficient and is not misused or abused," he said.

Azman noted that some petrol stations have taken their own initiatives to control diesel distribution, including setting a maximum limit of 50 litres per transaction at outdoor terminal pumps.

"For larger vehicles such as lorries requiring more fuel, they must proceed to the counter, where the limit can be adjusted up to 150 litres.

"These are measures taken by the industry as part of cooperation with the government to ensure supply remains stable," he said.

Addressing public concerns over RON95 availability, he said supply at petrol stations is managed with cooperation of industry players.

"If there are issues of insufficient supply, KPDN will first conduct investigations to determine the cause of any sudden increase in demand.

"For example, during festive seasons during the Hari Raya Aidilfitri, certain routes may see higher demand due to increased traffic along main roads. These are factors we will consider," he said.

He added that investigations would include reviewing petrol station logbooks and closed-circuit television (CCTV) recordings to verify purchasing activities.

"Consumers no need to worry. In Sarawak there are 283 petrol stations, while nationwide there are more than 4,400 stations. Our officers will also continue to carry out inspections and monitoring on an ongoing basis," he said.

Azman said enforcement efforts will be carried out in phases following measures introduced yesterday, with further actions to be announced once targets are identified based on the outcomes of these implementations.

"In cases where there is a sudden spike in sales, KPDN officers may be deployed on a static basis at the station to observe operations directly and determine whether the sales are genuine or suspicious.

"We may also deploy intelligence officers," he said.

He warned that strict action will be taken against any parties found to be involved in irregularities, including selling fuel to ineligible parties, exceeding permitted quantities, or diverting fuel to smugglers or unauthorised industries.

Investigations will be conducted under the Control of Supplies Act, where first-time offenders may face fines of up to RM1 million or imprisonment of up to three years, while companies may be fined up to RM2 million.

"We may also investigate under the Anti-Money Laundering Act if there are elements of profiteering."

He noted that the government currently bears a substantial fuel subsidy estimated at between RM4 billion and RM5 billion per month, particularly for RON95 petrol and diesel.

FOR VIDEO

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 12



# Ngisi diesel nitihka kategori perengka pengangkut diteritka

## Atur nya dipejalai sereta diteritka KPDN ba menua Sabah, Sarawak enggau Wilayah Persekutuan Labuan berengkah 1 April

Dikarang Frankie Junau

**KUCHING: Opis Menteri Dagang Dalam Menua enggau Kos Pengidup (KPDN) udah neritka tatak ngisi minyak diesel subsidi nitihka kategori perengka pengangkut di Sabah, Sarawak enggau Wilayah Persekutuan Labuan, berengkah kemari (1 April).**

Ketuai Direktor Penerit Undang-Undang, KPDN, Datuk Azman Adam nyemetak madahka perengka pengangkut baka kerita peribit, teksi, van enggau pacuan empat roda (4x4) ditatak semina ngisi 50 liter tiap kali transaksyen.

"Perengka pengangkut komersial enggau barang jelan pemesai, enggau Berat Tanpa Muatan (BTM) enda ngelui ari tiga tan ditatak semina 100 liter, lalu perengka pengangkut berat ti lebih ari tiga tan dikemendarka ngisi nyentuk maksimum 150 liter," ku iya.

Iya madahka pekara nya ba aum pengarang berita pengudah bejalaika pengawa matau ngagai Stesyen Minyak PETRONAS Tasik Biru, di Bau, kena Hari Tiga.




TATAK: Azman (dua ari kiba) di sempulang Matthew (kiba) lebuh bejalaika pengawa pematau ngagai Stesyen Minyak PETRONAS Tasik Biru, di Bau, nerangka tatak ngisi diesel di Sabah, Sarawak enggau Labuan ti berengkah diteritka 1 April. — Gambar Kaysian Kemar

Berebak enggau tu Azman madahka, raban penerit undang-undang KPDN udah digerah bejalaika pengawa matau ba 283 stesyen minyak di Sarawak, Sabah (266) enggau Labuan bisi tujuh, ti berengkah dipejalaika kemari ke enggau tuju nyidi stesyen minyak ti enda nitihka atur ke udah ditetapka.

Nitih ke iya, pengawa pematau patut chakah dipejalaika kelebih agi peminta ba minyak diatu bisi nambah berindik ari penyarut di Asia Barat.

> Perengka pengangkut komersial enggau barang jelan pemesai, enggau Berat Tanpa Muatan (BTM) enda ngelui ari tiga tan ditatak semina 100 liter, lalu perengka pengangkut berat ti lebih ari tiga tan dikemendarka ngisi nyentuk maksimum 150 liter.
>
> Datuk Azman Adam
> Ketuai Direktor Penerit Undang-Undang, KPDN

"Pengawa pematau tu dikena nentuka penyukup enggau penegap bekal diesel, laban rayat menua Sabah, Sarawak enggau Labuan agi meli ngena rega ke lama.

"Nambah nya, chara tu dipejalaika dikena nyeliahka pengawa salah guna subsidi nyengkaum mai minyak pansut belalai tauka dibeli orang ke enda patut nerima subsidi nya," ku iya.

Kelimpah ari nya, iya madahka opis menteri mega ngenegapka kerejasama strategik begulai enggau agensi penerit undang-undang bukai dalam pengawa bejalaika Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) dikena nagang pengawa salah guna subsidi nya.

Iya nyemetak madahka enda ngira sapa, enti ditemu salah nguna subsidi menua deka kena ukum ari baruh Akta Kawalan Bekalan 1961.

Bepelasarka akta nya, ku iya, individu ulih diukum enda lebih ari RM1 juta sereta penyalah nangkan nya enda lebih ari RM3 juta tauka ukum jil enda lebih ari tiga taun tauka kedua-dua ukum nya.

"Kompeni, enti ditemu salam ulih diukum enda lebih ari RM2 juta sereta penyalah nangkan nya enda lebih ari RM5 juta.

"Kitai mega ulih bejalaika pansik ari baruh Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) enti ditemu bulih penguntung ari aktiviti salah guna," ku iya.

Azman meransang rayat Malaysia ngambi bagi ba pengawa 'KITA GEMPUR' dikena napi manipulasyen enggau bisi tiris ba subsidi.

Mensia mayuh tau ngenataika sebana ngagai KPDN sereta patut disempulang penerang ke betul bekaul enggau aktiviti salah guna barang ke dijaga perintah ngagai WhatsApp ba lumur 019-848 8000, portal e-Aduan KPDN ba http://eaduan.kpdn.gov.my, Pusat iCall 1-800-886-800 enggau aplikasyen telefon pintar Ez ADU KPDN.

Sama bisi datai Direktor KPDN Sarawak Matthew Dominic Barin enggau raban pengari ari PETRONAS.

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 14

# Padah jual minyak masak peket secara bersyarat, peniaga dikenakan tindakan

**IPOH:** Padah mengenakan syarat mewajibkan pembelian barangan lain untuk membeli minyak masak peket bersubsidi, sebuah premis kedai runcit di Tapah diserbu sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak.

Pengarah KPDN Perak Datuk Kamalludin Ismail berkata dalam operasi 10.30 pagi itu sebanyak 714 kilogram (kg) minyak masak peket, dokumen perniagaan, lesen berkaitan serta invois pembelian disita dengan keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM1,785.00.

"Operasi itu dilaksanakan hasil aduan orang awam yang mendakwa premis berkenaan mengenakan syarat pembelian ke atas minyak masak peket 1 kilogram bersubsidi.

"Bertindak atas maklumat itu, kaedah penyamaran dan uji beli telah dijalankan dan mendapati aduan adalah berasas," katanya dalam kenyataan.

Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Sekatan beli RON95 guna kad kredit, debit asing di pam petrol berkuat kuasa

## Memperkasa mekanisme pemberian subsidi di Malaysia susulan krisis tenaga global

**KUALA LUMPUR: Penguatkuasaan sekatan pembelian petrol RON95 menggunakan kad kredit dan kad debit asing di terminal layan diri pam minyak dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negara mulai semalam.**

Langkah terbaharu itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan bagi memperkasa mekanisme pemberian subsidi bahan api itu di Malaysia susulan krisis tenaga global.

Tinjauan di beberapa negeri khususnya yang bersempadan dengan negara jiran mendapati Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) giat melaksanakan operasi penguatkuasaan dan pemantauan di stesen minyak.

Selain operasi pemantauan, pengusaha stesen minyak juga dilihat sudah bersedia selain mematuhi peraturan berkaitan sekatan penjualan petrol RON95 menggunakan kad kredit dan kad debit asing di terminal layan diri.

Di SARAWAK, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam turut melakukan tinjauan pelaksanaan peraturan baharu itu di Tasik Biru, Bau, yang terletak kira-kira 25 kilometer dari bandar raya Kuching.

> "Antara cadangan termasuk memperbesar paparan arahan berkaitan had pengisian petrol dan diesel di stesen minyak supaya lebih jelas dan mudah difahami pengguna, selain penggunaan bahan komunikasi berbentuk grafik agar penyampaian maklumat lebih menarik dan berkesan."
>
> **Datuk Azman Adam**
> *Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN*

Beliau berkata kerjasama yang diberikan oleh pengusaha stesen minyak termasuk di Sarawak terhadap pelaksanaan kawalan pengisian petrol dan diesel adalah sangat baik.

Dalam masa sama, beliau berkata terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat kepada orang ramai berhubung larangan terbaharu itu.

"Antara cadangan termasuk memperbesar paparan arahan berkaitan had pengisian petrol dan diesel di stesen minyak supaya lebih jelas dan mudah difahami pengguna, selain penggunaan bahan komunikasi berbentuk grafik agar penyampaian maklumat lebih menarik dan berkesan," katanya.

Azman berkata sebanyak 283 stesen minyak di Sarawak akan terus dipantau bagi memastikan pematuhan terhadap garis panduan itu.

Di JOHOR, Pengarah KPDN negeri Lilis Saslinda Pornomo berkata 180 penguat kuasa melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan di lapangan khususnya di kawasan titik panas dan pintu sempadan negeri itu.

Beliau berkata pemantauan di semua 639 stesen minyak di negeri itu juga akan terus dipertingkatkan menerusi rondaan harian termasuk melakukan hebahan serta peringatan kepada pemilik kenderaan asing mengenai penguatkuasaan itu.

"Selain itu, kita turut menempatkan penguat kuasa secara statik di lokasi strategik dan melaksanakan pemeriksaan mengejut secara berkala," katanya kepada Bernama selepas meninjau penguatkuasaan di stesen minyak di Johor Bahru.

Sementara di KELANTAN, pengurus sebuah stesen minyak di Kampung Belukar, Tumpat di sini, Ku Muhammad Farid Aidil Ku Din berkata semua petugas di stesen itu sudah diberi taklimat berhubung penguatkuasaan tersebut.

"Kami tidak berdepan sebarang masalah untuk melaksanakannya. Langkah yang diambil kerajaan ini sangat kami alu-alukan dalam memastikan RON95 dapat dinikmati rakyat tempatan sepenuhnya," katanya ketika ditemui pemberita semalam.

Tinjauan Bernama di beberapa stesen minyak juga mendapati penguat kuasa KPDN Kelantan giat melakukan pemantauan secara berkala di semua stesen minyak sejak awal pagi tadi terutama di lokasi berhampiran sempadan Malaysia-Thailand.

Di KEDAH, Pengarah KPDN negeri Muhammad Nizam Jamaludin dalam kenyataan berkata sebanyak 180 pegawai penguat kuasa ditugaskan bagi melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan di lapangan selain kerjasama bersepadu dengan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi penguatkuasaan yang lain, melalui Ops Tiris 4.0.

Tinjauan di beberapa stesen minyak di Changlun, berhampiran sempadan negara mendapati tiada kenderaan asing yang dilihat mengisi petrol RON95.

Seorang pengusaha stesen minyak, Mohamad Niekmat Ariffin berkata semua pekerjanya telah dimaklumkan mengenai arahan penguatkuasaan larangan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan asing serta sekatan kad kredit dan debit asing di terminal layan diri yang mula dilaksanakan semalam.

"Kita juga melakukan pemantauan dan mengawal jualan minyak untuk elak penyalahgunaan, contoh isian ke tong tanpa permit melebihi 20 liter," katanya.

Di PERLIS, rata-rata pengusaha stesen minyak cakna dan mematuhi arahan sekatan penjualan menggunakan kad kredit dan kad debit asing di terminal layan diri pam minyak, malah mereka mengambil inisitiaf membuat hebahan dengan menampal notis di pam petrol.

Pengarah KPDN Perlis Rohaida Hassan yang turut menyertai operasi pemeriksaan hari ini, berkata majoriti pihak stesen minyak memahami tentang peraturan yang dikuatkuasakan semalam dan mematuhi larangan tersebut. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 6

# Had isi diesel bersubsidi ikut kategori kenderaan

## KPDN menguatkuasakan perintah tersebut itu di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan mulai semalam

Oleh Frankie Junau

**KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menguatkuasakan had pengisian minyak diesel bersubsidi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mengikut kategori kenderaan, berkuat kuasa semalam (1 April).**

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam memaklumkan bahawa kenderaan ringan seperti kereta persendirian, teksi, van dan kenderaan pacuan empat roda (4x4) dihadkan kepada 50 liter bagi setiap transaksi.

"Sementara bagi kenderaan komersial dan barangan sederhana dengan Berat Tanpa Muatan (BTM) tidak melebihi tiga tan pula dihadkan kepada 100 liter manakala kenderaan berat melebihi tiga tan dibenarkan sehingga maksimum 150 liter," katanya pada sidang media selepas mengadakan tinjauan di Stesen Minyak PETRONAS Tasik Biru, Bau semalam.

Sehubungan itu, Azman berkata pihaknya telah menggerakkan anggota penguat kuasa KPDN untuk memantau sejumlah 283 stesen minyak di Sarawak, Sabah (266) dan Labuan sebanyak tujuh buah bermula semalam bagi mengesan stesen minyak yang gagal mematuhi pelaksanaan langkah berkenaan.

"Langkah ini bertujuan memastikan kecukupan dan kestabilan bekalan diesel, memandangkan Sabah, Sarawak dan Labuan masih menikmati harga diesel pada kadar lama.

"Kita juga mengambil langkah ini bagi mengelakkan penyelewengan termasuk kemungkinan bahan api diseludup keluar atau digunakan oleh pihak yang tidak layak menerima subsidi," katanya sambil menambah, permintaan terhadap bahan api ketika ini meningkat berikutan situasi semasa di Asia Barat, justeru kawalan penting bagi mengelakkan ketirisan.

Katanya, kementerian turut memperkukuh kerjasama strategik bersama agensi penguatkuasaan lain melalui pelaksanaan Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) bagi menutup



BERKUAT KUASA: Azman bercakap kepada media selepas mengadakan tinjauan ke Stesen Minyak PETRONAS Tasik Biru, Bau semalam. — Gambar Roystein Emmor

ruang penyelewengan dan ketirisan subsidi.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati bersalah menyelewengkan subsidi negara," katanya.

Mereka yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Jika disabitkan kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi RM1 juta dan bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi syarikat pula, jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5 juta.

"Kita juga boleh menjalankan siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) jika terdapat unsur keuntungan daripada aktiviti penyelewengan," kata Azman lagi dan menambah tidak berlaku sebarang kekurangan bekalan bahan api kecuali bekalan lambat sampai akibat kesesakan jalan raya atau lebihan pemintaan akibat musim perayaan.

Pada masa sama, rakyat Malaysia digalakkan menyertai gerakan KITA GEMPUR sebagai usaha membanteras manipulasi dan ketirisan subsidi.

"KPDN akan mengambil tindakan dalam tempoh 24 jam dengan syarat maklumat yang diberikan lengkap serta mengelak tular sebelum aduan bagi mengelak penghapusan bukti oleh pesalah,"

> "Sementara bagi kenderaan komersial dan barangan sederhana dengan Berat Tanpa Muatan (BTM) tidak melebihi tiga tan pula dihadkan kepada 100 liter manakala kenderaan berat melebihi tiga tan dibenarkan sehingga maksimum 150 liter."
>
> Datuk Azman Adam
> Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN

katanya.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti penyelewengan barang kawalan melalui saluran rasmi KPDN seperti WhatsApp di talian 019-848 8000, portal e-Aduan KPDN dihttp://eaduan.kpdn.gov.my, Pusat iCall 1-800-886-800 serta aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN.

Turut mengiringi beliau ialah Pengarah KPDN Sarawak Matthew Dominic Barin serta kakitangan kementerian dan wakil PETRONAS di sini.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 4

# No fuel shortage nationwide, assures KPDN

**KUCHING**: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has assured that there is no shortage of fuel supply nationwide, despite isolated concerns over availability at certain petrol stations.

Its director-general Datuk Azman Adam said the government is closely monitoring fuel distribution and demand patterns daily, stressing that current supply levels remain sufficient.

"So far, we do not have any issue of supply shortage in the country. Consumers need not worry," he said during a press conference after a compliance inspection at a petrol station in Bau yesterday.

He explained that temporary shortages at certain locations may occur due to factors such as increased demand during festive seasons, including Hari Raya, or logistical delays like tanker deliveries caused by traffic congestion.

Azman added that any reported supply disruption would be thoroughly investigated, including checks on station records and closed-circuit television (CCTV) footage to determine the root cause.

On enforcement, he warned that stern action would be taken against parties found abusing the fuel supply system under the Control of Supplies Act.

"For a first offence, individuals can be fined up to RM1 million or jailed for up to three years, while companies can be fined up to RM2 million," he said, adding that investigations may also be conducted under the Anti-Money Laundering Act (AMLA).

He emphasised that the strict measures reflect the government's commitment to safeguarding subsidised fuel, which is meant exclusively for Malaysians.

According to him, the government is currently bearing a high fuel subsidy cost, estimated at between RM4 billion and RM5 billion per month, driven by rising global demand, particularly due to the situation in West Asia.

"This subsidy is for Malaysians, and it should not be misused by any party for personal gain," he said.

Azman said continued cooperation between enforcement agencies, industry players and the public is crucial to ensure that fuel supply remains stable and protected from leakages or misuse.

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 2

Purchase of RON 95 petrol

# Ban on foreign cards takes effect

KUALA LUMPUR: The restriction on the purchase of RON95 petrol using foreign credit and debit cards at self-service terminals at petrol stations is being enforced in stages nationwide from yesterday.

The latest measure is part of the government's efforts to strengthen the fuel subsidy mechanism in Malaysia following the global energy crisis.

Checks in several states, particularly those bordering neighbouring countries, found that the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is actively carrying out enforcement and monitoring operations at petrol stations.

Petrol stations appear well-prepared and are complying with regulations governing the use of foreign credit and debit cards for RON95 purchases at self-service terminals.

In SARAWAK, KPDN Enforcement director-general Datuk Azman Adam visited a petrol station in Tasik Biru, Bau, located about 25 kilometres from Kuching city.

He said petrol station operators have been highly cooperative in complying with the ministry's directives, but noted that further improvements are needed.

"Among the proposals are to make instructions on petrol and diesel filling limits at petrol stations clearer and more visible, as well as to use graphics to better convey information," he told reporters.

According to Azman, a total of 283 petrol stations in Sarawak will continue to be monitored to ensure compliance with the guidelines.

In JOHOR, state KPDN director Lilis Saslinda Pornomo said 180 enforcement officers are conducting inspections and monitoring, particularly in hotspot areas and border entry points in the state.

She said monitoring at all 639 petrol stations in the state will also be intensified through daily patrols, including outreach efforts and reminders to foreign vehicle owners.

Meanwhile, in KELANTAN, manager of a petrol station in Kampung Belukar, Tumpat, Ku Muhammad Farid Aidil Ku Din, said all staff have been briefed on the enforcement measures.

"We have not encountered any issues. We welcome the government's initiative to ensure that RON95 remains readily available to local residents," he told reporters.

Bernama checks found that KPDN enforcement officers have been actively monitoring all petrol stations since early yesterday morning, particularly those near the Malaysia-Thailand border.

In KEDAH, its KPDN director Muhammad Nizam Jamaludin said in a statement that 180 enforcement officers have been deployed for inspections and monitoring, in addition to coordinated operations with the Border Control and Protection Agency (AKPS), the police, and other enforcement agencies through Ops Tiris 4.0.

Petrol station operator Mohamad Niekmat Ariffin said enforcement measures also include monitoring and controlling fuel sales to prevent misuse, such as filling containers without a permit beyond 20 litres.

In PERLIS, state KPDN director Rohaida Hassan said the majority of petrol stations understand the rules being enforced and continue to comply with the ban.

She said controls and inspections at 40 petrol stations across Perlis are being intensified daily, both during the day and at night, with particular focus on 10 stations in border areas.

"At this stage, our approach is largely advocacy-focused, aimed at educating and providing clear explanations on the rules regarding foreign credit and debit card use for foreign vehicles," she said. – BERNAMA




A motorist pumps fuel at a petrol station.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 5

### 購商品才能買津貼食油

# 執法員扮顧客取締雜貨店

（打巴1日讯）一家杂货店规定顾客必须购买其他商品，才能购买1公斤装津贴食油，当场遭佯装上门购物的内贸局执法人员逮着。

霹雳州内贸局局长拿督卡马鲁丁发文告指出，来自该局打巴分局的执法人员，于昨早10时30分在一家杂货店展开执法行动。

## 强制顾客购买商品

他说，此次行动源于民众投诉，指涉事杂货店在出售1公斤包装食用油时，强制顾客购买其他商品作为购买条件。

“执法人员采取伪装和试购方式，证实投诉属实。调查发现，涉案店铺确实要求顾客先购买其他杂货，才能购买1公斤包装食用油。”

他表示，执法人员依法充公了714公斤的1公斤包装食油、商业文件、营业执照及相关许可证和采购发票，总值为1785令吉。案件援引1961年统制品法令展开调查，因商家涉嫌在未经供应官书面许可下，销售获得政府津贴的1公斤包装食油时附加条件。

他补充，一旦罪成，个人可被罚款不超过100万令吉，或监禁不超过3年，或两者兼施；公司或机构初犯则可被罚款不超过200万令吉，再犯罚款不超过500万令吉。

此外，他也呼吁民众成为执法单位的耳目，如掌握任何信息，尤其是涉及统制品和津贴品的违规行为，应予以举报。民众可向附近的国内贸易及生活费局投报，或通过以下方式举报：WhatsApp（019-848 8000）、网站（http://e-aduan@kpdn.gov.my）、热线（1-800-886-800）、电邮（e-aduan@kpdn.gov.my）或手机应用程式Ez Adu KPDN。



内贸局官员通过伪装试购方式，揭穿商家有条件出售补贴包装食用油的不法行为。（霹内贸局提供）



内贸局充公714公斤1公斤装食油及相关文件，总值1785令吉。（霹内贸局提供）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 1

## 内貿部：運輸延誤造成暫時短缺

# 別慌！砂燃油供應充足



嚴打違規添油
第2版 柴油限購按車型分類

内贸部执法总监阿兹曼（右）在石隆门一家油站的油泵旁贴上新添油规定告示，左为砂内贸局局长马修多米尼。

（古晋1日讯）针对砂拉越部分地区近期出现燃油供应担忧，国内贸易及生活费部（KPDN）今日表示，国内尤其是砂境内燃油供应稳定且充足，未来1至2个月内完全没问题。

内贸部执法总监拿督阿兹曼说，砂共有283个油站，当局每日密切监控供应流程。

至于近期部分地区出现暂时性缺货，他说，主因是佳节期间交通拥堵导致油槽车延迟抵达，并非供应短缺。

他说，至于任何缺油报告，内贸部将翻阅油站纪录册及监控画面，以了解是否存在过度购买或违规交易。

### 发现违规勿发视频打草惊蛇

阿兹曼说，若发现燃油销售量不寻常，将派遣官员或便服官员密切关注。一旦发现违法事件，包括售卖予不符合资格者或超卖，将立即采取对付行动。

至于西马有民众跨境到泰国购买柴油，阿兹曼说，国内柴油供应其实完全没问题，人民无需过度担忧。

他也提醒民众若发现违规行为，应立即通过官方渠道，包括热线03-88826245或03-88826088或WhatsApp至019-8488000举报，并提醒民众一旦发现任何违规事件，勿在社交媒体上发表视频，以免打草惊蛇导致证据被销毁。

"布城行动室目前已进入7天24小时运作模式，一旦收到完整举报后，将在24小时内采取行动。"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 2

# 柴油限購按車型分類

黃明傑

（古晋1日讯）国内贸易及生活费部4月1日起，在沙巴、砂拉越及纳闽正式对车辆实施柴油限购措施，以确保供应充足并防止补贴燃油被滥用。

内贸部执法总监拿督阿兹曼今日巡视石隆门一家油站后，在新闻发布会上说，这是4月1日起正式落实数项燃油管制新措施之一，以进一步强化现有法律框架，确保国家燃油补贴精准惠及国民。

他说，柴油限购额度将取决于车辆类型，轻型商业车辆（如皮卡车）每次加油限额50公升；载重量3吨或以下商业车辆限额100公升；而3吨以上重型商业车辆，每次加油上限150公升。

“实施这些限额是确保合法使用者拥有充足柴油供应，并防止燃油被挪用或非法转售，特别是在补贴价格维持在每公升2.15令吉的东马地区。”

## 柴油需求飙升 加强监控

阿兹曼补充，受中东供应中断等区域市场波动影响，柴油需求大幅飙升，加强监控至关重要。

他说，限购措施是内贸部更广泛执法计划一部分，监管范围涵盖砂283个、沙巴266个及纳闽7个油站。执法官员将在警方等其他机构支持下进行检查，确保各方遵守规定。

他敦促公众和业界配合新规，并举报任何可疑活动，例如企图超越限额购油或擅自挪用燃油的行为。对于任何企图规避监管的人，当局将采取严厉执法行动。




众人展示内贸部新规定，包括外国车辆不得添加RON95汽油，国外信用卡及扣账卡只能在油站柜台使用。

## 不讓外國人享補貼
# 油泵停刷國際信用卡

（古晋1日讯）从今日（4月1日）起，外国注册车辆严禁在我国购买受补贴的RON95汽油，同时油站的户外自助泵位支付终端也将停止接受国际信用卡和扣账卡。

内贸部执法总监拿督阿兹曼今日巡视石隆门一家油站后，在新闻发布会上说，此举旨在堵住补贴燃油被滥用的漏洞。

他说，新措施强化现有执法力度，不仅可以对付违规油站业主，也可以对涉及非法购买补贴汽油的买家（外国车主）采取法律行动。

## 外国车主须在柜台付费

“这是我们控制全国油站购买与销售RON95汽油的新机制之一。此前，许多外国车辆通过在户外自助支付终端使用国际扣账卡或信用卡加油，这让业主和执法当局难以即时发现及阻止。”

阿兹曼说，新规落实后，持有国际银行卡的驾驶者若需加油，必须前往油站柜台进行支付，这将使油站员工能有效识别车辆身份，确保只有符合资格的大马国民才能享有补贴燃油。

他补充，这项关于国际银行卡的禁令将分阶段在全国油站推行，部分石油公司已完全准备就绪，其余公司在陆续更新系统。

他也建议油站的告示牌可以做的更大更明显，让民众可以更为清楚看到新规定。同时也可以通过图表等方式，更具吸引力，以让相关信息更有效传达。

## 动员2400执法员巡查

阿兹曼说，内贸部今日同步启动“纰漏行动4.0”（Ops Tiris 4.0），动员全国2400名执法人员，并联动警方、关税局及移民局展开跨部门协作。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報
CHINA PRESS

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 2

# 雪貿生局油站執法
# 啓動紕漏行動4.0

（吉隆坡1日讯）随著《2026年受控物资RON95供应管制、销售与购买禁令条例》生效，国内贸易与生活成本部雪州分局即日起，启动纰漏行动4.0（OPS TIRIS 4.0），动员全州分局，针对油站展开执法与检查工作，确保各界遵守条例。

该局主任哈尼夫发文告指出，该行动检查重点包括检查及监督外国注册车辆，以确保符合2026年相关受控物资条例（PPKB2026）、检查添油机器状态，确保设备仍在合法使用期限内、检查商用车辆、检查将燃油注入油桶或容器的行为，确保符合供应管制官的规定。

他说，当局已鉴定雪州809家营运中的油站，以及79家柴油批发公司，作为该行动的重点监督对象，以确保相关单位遵守PPKB2026。

## 提醒勿制造恐慌

“贸生局也会监督燃油供应情况，确保不影响市场使用及消费者需求。”

他指出，执法行动将以系统化方式进行，包括根据油站交易量，如燃油销售及购买活跃程度鉴定高风险油站，并提高检查频率、加强摩托巡逻单位在油站周边的巡查频率，以展示执法人员的存在感。



■雪州贸生局监督添油活动。

他指出，巡逻记录将通过设置在油站的摩托巡逻记录簿进行登记。

他也提醒公众，在油站购买燃油时切勿制造恐慌情绪，如有任何疑问，可向油站付款柜台查询。

他强调，绝不会姑息任何违反PPKB2026的行为，违例者将依据1961年《供应管制法令》严惩。

他指出，当局近期也与雪州海事执法机构及陆路交通局展开合作，监督海陆涉及燃油等受控物资的贸易活动，以防止任何造成国家补贴流失的行为。

他呼吁民众，如发现任何不当交易行为，可通过以下官方渠道提供情报：WhatsApp 019-848 8000、http://eaduan.kpdn.gov.my、1-800-886-800热线、Ez ADU KPDN应用程序。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



■查基（右）向沈春祥解说可享有汽油及柴油补贴的交通工具种类。



■沈春祥提醒10个非关键领域的柴油使用者，查询可否享有政府针对性柴油补贴。

叉車、農業機械、觀光船……

# 10大領域 能領補貼柴油

（关丹1日讯）“你是否知道，你的领域所使用的柴油交通工具及器械可否享有政府针对性柴油补贴？”

彭亨州消费人事务与人力资源委员会主席沈春祥披露，除了已知的可获柴油补贴的23种组别交通工具如公共车辆、运载基本物资和食品的运输罗厘等，仍有10个不同领域的组别是可享有补贴柴油福利。

“货仓叉车（Forklift）、农业及畜牧业工具和机械、食品工业的工具和器材、水上运输、使用引擎发动的水上休闲器材、维修与保养行业的工具和器材、小型建筑业工具和器材，可根据每日耗量所需和特定使用条件下，添购50公升至200公升补贴柴油。”

“内陆及岛屿偏远地区居民日常使用的工具和机械、紧急援助是每周不超过500公升，以及旅游观光船艇、民宿，每日不超过1000公升。”

他说，只要是符合申请资格，有意在油站购买汽油和柴油，用于非车辆油箱或个人用途的公司、组织或个人，可通过https://spb.kpdn.gov.my申请特别准证。

他今日在彭亨州政府苏丹阿末沙行政中心（PPSAS）召开记者会时，如是说。陪同者包括彭州内贸局执法主任查基。

## 内貿局特製圖冊供查詢

沈春祥说，为让公众更清晰了解23种类可享有汽油补贴控制系统（SKPS）的交通工具，以及33种类补贴柴油管制系统（SKDS）的交通工具类别，内贸局也特制图册方便大众查询。

“同时，也以图表方式区分油站可允许添购昌明补贴援助计划（BUDI MADANI）RON95汽油的指南。”

他也说，针对金马仑农民申诉不获享有补贴柴油福利，内贸局于今日（1日）及明日（2日）在县土地局特设柜台，协助农民办理申请特别准证，但条件是真正使用柴油补贴卡（fleet card）是大马公民。

“其他县农民及符合申请资格人士，也可到内贸局分局寻求上网申请援助。”



■沈春祥展示针对野生巴丁鱼收费902令吉个案，向市场了解野生巴丁鱼行情走势。

## 售902令吉巴丁魚 菜館業者4天內須呈資料

沈春祥说，针对野生巴丁鱼售价902令吉事件，涉案被投诉的龙记菜馆业者已在限定的4个工作日期限内，该菜肴的售价及成本资料，以审查是否存在暴利行为。

“业者已于周三（1日）向彭州内贸局呈交相关资料，并会通过层层审核。”

他说，为更了解野生巴丁鱼行情，他在此事件发生后，曾向相关领域业者了解，得悉非生产旺季的野生巴丁鱼每公斤售价可介于150令吉至250令吉不等。

“因而我不能评定此事是否涉及违反暴利，一切还得视商家来货成本，以及商家作业是否符合明码标价程序。”

## 雜貨店有條件賣津貼食油
# 執法員假扮顧客上門捉

（打巴1日讯）一间杂货店规定顾客必须购买其他商品，才能购买1公斤装津贴食油，结果霹雳州内贸局接获民众投诉后，派出打巴分局执法人员佯装上门购物展开检查行动，并将涉及者逮著！

霹雳州内贸局局长拿督卡马鲁丁说，执法人员是于昨早10时30分在一家杂货店展开执法行动。

他指出，此次行动源于公众投诉，指涉事杂货店在出售1公斤包装食用油时，强制顾客购买其他商品作为购买条件。

他披露，执法人员采取伪装和试购方式，证实投诉属实。调查发现，涉案店铺确实要求顾客先购买其他杂货，才能购买1公斤包装食用油。

卡马鲁丁表示，执法人员依法充公了714公斤的1公斤包装食油、商业档案、营业执照及相关许可证和采购发票，总值为1785令吉。



■内贸局官员通过伪装试购方式，揭穿商家有条件出售补贴包装食用油的不法行为。（霹内贸局提供）

### 吁公众充耳目

案件援引1961年统制品法令展开调查，因商家涉嫌在未经供应官书面许可下，销售获得政府津贴的1公斤包装食油时附加条件。

此外，他也呼吁公众成为执法单位的耳目，如掌握任何资讯，尤其是涉及统制品和津贴品的违规行为，应予以举报。民众可向附近的国内贸易及生活费局投报，或通过以下方式举报：WhatsApp（019-848 8000）、网站（http://e-aduan@kpdn.gov.my）、热线（1-800-886-800）、电邮（e-aduan@kpdn.gov.my）或手机应用程式Ez Adu KPDN。（TSI）

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 4



■内贸部官员检查油站的库存油量。（雪内贸局提供）



■随着4月1日落实RON95汽油管制新规，内贸部官员严查州内油站运作。（雪内贸局提供）

# 雪重點監督809油站

## 海陸夾擊防補貼外流

（沙亚南1日讯）随着今日落实2026年RON95汽油管制新规，国内贸易及生活费部雪州分局全面展开“纰漏行动”（Ops Tiris）4.0，全州共有809间活跃运作的油站及79家柴油批发公司，被列入重点监督名单。

雪州分局主任莫哈末哈尼夫今午发文告，分局动员沙亚南总部、八打灵再也、鹅唛、加影、雪邦、瓜雪及新古毛分局执法人员严查州内油站运作，确保新条例获得遵守。

“当局不仅加强执法，也同步监控燃油供应情况，确保市场供应稳定，不影响民众日常需求。”

### 启动纰漏行动4.0查外国车

他透露，执法重点包括检查外国注册车辆，是否违规添购RON95津贴汽油、油站的油泵计量器是否仍处于有效认证期限、商用车辆用油情况，以及是否有人违规把燃油注入桶装或容器。

他强调，有关《2026年RON95汽油受管制物品供应、销售与购买禁令条例》于今日正式生效。当局采取多项策略强化执法，包括鉴定高流量油站进行更频密检查、增加摩多巡逻队在油站一带巡逻，并通过巡逻记录簿记录执法人员的到访情况，以提高执法威慑力。

哈尼夫促请民众在添油时保持冷静，切勿制造恐慌。若对燃油购买存有疑虑，可直接向油站柜台查询。他强调绝不对违反条例者妥协，一旦发现违规，将援引1961年供应控制法令采取严厉行动。

内贸部雪州分局也与大马海事执法机构及陆路交通局展开合作，从海上与陆路双管齐下，打击涉及燃油补贴的非法走私活动，避免国家补贴遭滥用。

他也呼吁民众，若掌握违规交易情报，可通过官方渠道如WhatsApp（019-8488000）、e-Aduan网站http://eaduan.kpdn.gov.my、免费热线1800 88 6800或手机应用程式EzADU KPDN投报。（TSI）

மலேசிய நண்பன்
மக்கள் ஏடு HARIAN TAMIL MALAYSIA NANBAN

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 2

# வெளிநாட்டு வங்கி அட்டைகளை பயன்படுத்தி ரோன் 95 பெட்ரோல் வாங்க தடை

## நாடு முழுவதும் கண்காணிப்பு பணிகள் தீவிரம்

கோலாலம்பூர், ஏப். 2-

நாட்டில் இனிமேல் வெளிநாட்டு கிரெடிட் மற்றும் வங்கி அட்டைகளை பயன்படுத்தி ரோன் 95 பெட்ரோலை வாங்க தடை விதிக்கப்படுகிறது. இந்த தடை உடனடியாக அமலுக்கு வருகிறது. அதை கண்காணிக்க நாடு முழுவதும் அமலாக்க பிரிவு அதிகாரிகள் தீவிர நடவடிக்கைகளில் ஈடுபடுவார்கள்.

பூடி ரோன் 95 பெட்ரோலை வாங்க வெளிநாட்டவர்களுக்கு அனுமதி இல்லை. அதே சமயத்தில் ரோன் 95 பெட்ரோலை வாங்க வெளிநாட்டு பதிவு வாகனமோட்டிகளுக்கு வாய்ப்பு வழங்கப்பட்டது. அதாவது வெளிநாட்டு கிரெடிட் மற்றும் வங்கி அட்டைகளை பயன்படுத்தி அவர்கள் ரோன் 95 பெட்ரோலை வாங்க அனுமதி வழங்கப்பட்டது.

தற்போது மேற்காசியாவிலும் வளைகுடாவிலும் நீடிக்கும் சண்டை காரணமாக உள்நாட்டில் பெட்ரோலுக்கு தட்டுப்பாடு ஏற்படாமல் இருப்பதை உறுதி செய்வதற்காக நடவடிக்கை எடுக்கப்படுகிறது. அதில் ஒரு கட்டமாக இனி வெளிநாட்டு கிரெடிட் மற்றும் வங்கி அட்டைகளை பயன்படுத்தி ரோன் 95 பெட்ரோலை வாங்க தடை விதிக்கப்படுகிறது என்று உள்நாட்டு வர்த்தக வாழ்க்கை செலவின அமைச்சு தெரிவித்தது. இதன் காரணமாக ஜொகூர் மாநிலத்தில் உள்ள எல்லா 639 எண்ணெய் நிலையங்களிலும் தீவிர பரிசோதனைகள் மேற்கொள்ளப் படும் என்று உள்நாட்டு வர்த்தக அமைச்சின் ஜொகூர் மாநில இயக்குநர் லிலிஸ் சஸ்லிண்டா தெரிவித்தார். இந்த எண்ணெய் நிலையங்களுக்கு வருகின்ற எல்லா வெளிநாட்டு வாகனங்களும் கவனமாக சோதிக்கப்படும். மேலும் நாட்டில் நுழைகின்ற போதும் வெளியேறுகின்ற போதும் அவை கண்காணிக்கப்படும் என்றார் அவர்.

இதனிடையே கிளந்தான் மாநிலத்தில் எல்லா நுழைவாயில்கள் மற்றும் எல்லைகளில் உள்ள எண்ணெய் நிலையங்களில் அமலாக்க அதிகாரிகள் நியமிக்கப் படுவார்கள் என்று மாநில அரசாங்கம் தெரிவித்தது.



கெடாவில் உள்ள எண்ணெய் நிலையங்கள் கண்காணிக்கப்படும். மேலும் நாட்டிற்குள் நுழையும் எல்லா வாகனங்களும் கடுமையாக சோதிக்கப்படும். 180 அமலாக்க அதிகாரிகள் நியமிக்கப்படுகிறார்கள். அதே சமயத்தில் பெர்லிஸ், மற்றும் சரவாவிலும் கண்காணிப்பு நடவடிக்கைகள் தீவிரமடையும்.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மலேசிய நண்பன்
மக்கள் ஏடு HARIAN TAMIL MALAYSIA NANBAN

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 12

# வெளிநாட்டு வங்கி அட்டைகளை பயன்படுத்தி ரோன் 95 பெட்ரோல் வாங்க தடை

## நாடு முழுவதும் கண்காணிப்பு பணிகள் தீவிரம்

கோலாலம்பூர், ஏப். 2-

நாட்டில் இனிமேல் வெளிநாட்டு கிரெடிட் மற்றும் வங்கி அட்டைகளை பயன்படுத்தி ரோன் 95 பெட்ரோலை வாங்க தடை விதிக்கப்படுகிறது. இந்த தடை உடனடியாக அமலுக்கு வருகிறது. அதை கண்காணிக்க நாடு முழுவதும் அமலாக்க பிரிவு அதிகாரிகள் தீவிர நடவடிக்கைகளில் ஈடுபடுவார்கள்.

பூடி ரோன் 95 பெட்ரோலை வாங்க வெளிநாட்டவர்களுக்கு அனுமதி இல்லை. அதே சமயத்தில் ரோன் 95 பெட்ரோலை வாங்க வெளிநாட்டு பதிவு வாகனமோட்டிகளுக்கு வாய்ப்பு வழங்கப்பட்டது. அதாவது வெளிநாட்டு கிரெடிட் மற்றும் வங்கி அட்டைகளை பயன்படுத்தி அவர்கள் ரோன் 95 பெட்ரோலை வாங்க அனுமதி வழங்கப்பட்டது.

தற்போது மேற்காசியாவிலும் வளைகுடாவிலும் நீடிக்கும் சண்டை காரணமாக உள்நாட்டில் பெட்ரோலுக்கு தட்டுப்பாடு ஏற்படாமல் இருப்பதை உறுதி செய்வதற்காக நடவடிக்கை எடுக்கப்படுகிறது. அதில் ஒரு கட்டமாக இனி வெளிநாட்டு கிரெடிட் மற்றும் வங்கி அட்டைகளை பயன்படுத்தி ரோன் 95 பெட்ரோலை வாங்க தடை விதிக்கப்படுகிறது என்று உள்நாட்டு வர்த்தக வாழ்க்கை செலவின அமைச்சு தெரிவித்தது. இதன் காரணமாக ஜொகூர் மாநிலத்தில் உள்ள எல்லா 639 எண்ணெய் நிலையங்களிலும் தீவிர பரிசோதனைகள் மேற்கொள்ளப்படும் என்று உள்நாட்டு வர்த்தக அமைச்சின் ஜொகூர் மாநில இயக்குநர் லிலிஸ் சஸ்லிண்டா தெரிவித்தார். இந்த எண்ணெய் நிலையங்களுக்கு வருகின்ற எல்லா வெளிநாட்டு வாகனங்களும் கவனமாக சோதிக்கப்படும். மேலும் நாட்டில் நுழைகின்ற போதும் வெளியேறுகின்ற போதும் அவை கண்காணிக்கப்படும் என்றார் அவர்.

இதனிடையே கிளந்தான்



மாநிலத்தில் எல்லா நுழைவாயில்கள் மற்றும் எல்லைகளில் உள்ள எண்ணெய் நிலையங்களில் அமலாக்க அதிகாரிகள் நியமிக்கப்படுவார்கள் என்று மாநில அரசாங்கம் தெரிவித்தது.

கெடாவில் உள்ள எண்ணெய் நிலையங்கள் கண்காணிக்கப்படும். மேலும் நாட்டிற்குள் நுழையும் எல்லா வாகனங்களும் கடுமையாக சோதிக்கப்படும். 180 அமலாக்க அதிகாரிகள் நியமிக்கப்படுகிறார்கள். அதே சமயத்தில் பெர்லிஸ், மற்றும் சரவாவிலும் கண்காணிப்பு நடவடிக்கைகள் தீவிரமடையும்.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 6



HAJIJI dan Juliah bersama orang ramai yang menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri.

# Langkah pastikan bekalan bahan api mencukupi

KERAJAAN Persekutuan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terus mengambil langkah proaktif bagi memastikan bekalan bahan api di Sabah kekal mencukupi dan stabil.

Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor berkata isu bekalan bahan api khususnya petrol dan diesel menjadi fokus utama dalam pertemuan beliau dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali di Menara Kinabalu, Kota Kinabalu pada 24 Mac.

Beliau berkata pertemuan itu memberi tumpuan kepada situasi bekalan bahan api di Sabah susulan kebimbangan terhadap kemungkinan kehabisan stok yang boleh menjejaskan pengguna serta kelangsungan sektor ekonomi negeri.

Hajiji menegaskan kepentingan bekalan bahan api yang konsisten bagi menyokong aktiviti ekonomi termasuk sektor logistik, perikanan dan pertanian yang sangat bergantung kepada diesel.

Beliau menggesa orang ramai agar tidak melakukan pembelian panik.

Katanya pemantauan rapi dan penyelarasan berterusan bersama agensi berkaitan akan diperkukuh bagi mengelakkan sebarang gangguan bekalan.

Beliau turut memberi taklimat kepada Hajiji mengenai hasil Jawatankuasa Khas Penyelarasan Membanteras Ketirisan dan Penyeludupan dalam kalangan agensi penguat kuasa yang telah diaktifkan bagi memperkukuh usaha membanteras penyeludupan serta penyelewengan bahan api khususnya di kawasan sempadan.

"Risiko ketirisan semakin meningkat berikutan ketegangan geopolitik di Asia Barat serta jurang harga yang ketara antara bahan api bersubsidi di Malaysia dengan harga pasaran di negara jiran," katanya.

Armizan turut menjelaskan beberapa khabar angin mengenai dakwaan kekurangan bahan api di beberapa stesen minyak di Sabah baru-baru ini.

"Setakat ini tiada kekurangan bekalan petrol, diesel atau LPG di negara ini. Bekalan semasa adalah mencukupi dan situasi Malaysia lebih stabil berbanding beberapa negara lain termasuk di rantau ini," katanya.

Menurut beliau isu yang timbul hanyalah masalah logistik terpencil yang menyebabkan kelewatan penghantaran selama beberapa jam di lokasi tertentu khususnya ketika musim perayaan apabila permintaan meningkat.

"Masalah ini telah diselesaikan dan pemantauan berterusan dilakukan bagi memastikan pengagihan bekalan berjalan lancar. Sehubungan itu orang ramai dinasihatkan agar tidak membuat pembelian panik kerana bekalan semasa adalah terjamin," katanya.

Terdahulu Hajiji turut menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Tan Sri Mohd Salim Fateh Din.

Mohd Salim memberi taklimat mengenai perkembangan pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) di Sabah serta inisiatif Bandar Pintar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 8

# Caj pelancongan melampau, YPNM gesa tindakan tegas

Oleh Hamzah Sanudin

**KOTA KINABALU:** Isu caj tambang pengangkutan pelancongan yang tidak konsisten dan melampau kini semakin membimbangkan apabila aduan daripada pengguna tempatan serta pelancong asing dilaporkan meningkat.

Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM) Cawangan Sabah menggesa penguatkuasaan lebih tegas dan menyeluruh dilaksanakan bagi membanteras amalan berkenaan yang boleh menjejaskan imej negara sebagai destinasi pelancongan.

Pengerusinya, David Chan berkata, pihaknya menyambut baik langkah proaktif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam menangani isu berkenaan, namun menegaskan tindakan lebih agresif perlu diambil segera.

Katanya, YPNM menerima banyak aduan membabitkan caj tidak munasabah khususnya bagi perkhidmatan pengangkutan lapangan terbang, pakej pelancongan serta e-hailing.



DAVID

"Jika perkara ini tidak ditangani dengan berkesan, ia berpotensi mencalar imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang adil, telus dan mesra pelancong.

"Semua penyedia perkhidmatan perlu mematuhi prinsip harga yang adil serta memastikan caj dipaparkan dengan jelas sebelum perkhidmatan diberikan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, antara langkah yang perlu diberi perhatian adalah penguatkuasaan lebih tegas dan konsisten bagi membanteras caj berlebihan selain memastikan paparan harga diwajibkan secara telus kepada pengguna.

Menurutnya, kerjasama lebih kukuh antara KPDN, agensi pelancongan dan pihak berkuasa tempatan juga penting bagi memastikan pematuhan sepenuhnya dalam industri itu.

"Selain itu, tindakan tegas termasuk penalti lebih berat perlu dikenakan terhadap pesalah bagi mengelakkan kes berulang," katanya.

Dalam masa sama, beliau menggesa pengguna dan pelancong supaya sentiasa berwaspada serta segera membuat aduan melalui saluran rasmi KPDN sekiranya berlaku sebarang unsur penipuan atau caj tidak munasabah.

Menurutnya, dalam usaha memperkukuh pemulihan sektor pelancongan negara, aspek integriti, keadilan dan ketelusan perlu diberi keutamaan bagi meningkatkan keyakinan pelancong.

"Perlindungan pengguna bukan sahaja memberi jaminan kepada pelancong, malah membantu meningkatkan daya saing dan kredibiliti Malaysia di peringkat antarabangsa," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/4/2026
M/SURAT: 12

# 'Saya akan kerap ke Bukit Kayu Hitam'

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my



> Sekiranya perkara itu benar-benar berlaku, saya mungkin terpaksa datang lebih kerap untuk mengenal pasti siapakah pengkhianat-pengkhianat tersebut."
>
> MOHD. SHUHAILY MOHD. ZAIN

**KUBANG PASU:** Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS), Datuk Seri Mohd. Shuhaily Mohd. Zain memberi amaran tegas kepada pegawainya supaya tidak terlibat dengan sebarang perbuatan khianat yang membuka ruang kepada kemasukan warga asing secara tidak sah ke negara ini.

Beliau berkata, pihaknya memandang serius laporan orang awam mengenai kemasukan ramai warga asing, khususnya dari India dan Bangladesh yang dikatakan dilihat berada di kawasan Changlun, di sini sejak kebelakangan ini.

Menurutnya, setakat ini pihak AKPS masih belum dapat mengenal pasti dari mana laluan kemasukan kumpulan warga asing berkenaan.

"Perkara itu juga yang saya gunakan sebagai amaran kepada pegawai saya supaya jangan sampai saya mendapat tahu ia adalah hasil daripada perbuatan khianat seperti yang pernah saya tegur sebelum ini di Bukit Kayu Hitam.

"Sekiranya perkara itu benar-benar berlaku, saya mungkin terpaksa datang lebih kerap untuk mengenal pasti siapakah pengkhianat-pengkhianat tersebut," katanya pada sidang akhbar Majlis Serah Terima Tugas Komander AKPS Bukit Kayu Hitam, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan orang awam mengenai kemunculan warga asing didakwa semakin ramai di utara Kedah.

Katanya, berdasarkan maklumat yang tular di media sosial sejak satu atau dua minggu kebelakangan ini, individu-individu berkenaan dilihat berada di sekitar Changlun.

"Kalau tuan-tuan tengok dalam Facebook sejak seminggu dua ini, mereka berada di Changlun, maknanya mereka sudah terlepas. Namun dari mana mereka masuk seperti yang ditanya tadi, itu yang kita masih tidak dapat kenal pasti," katanya.

Sementara itu, Mohd. Shuhaily berkata, AKPS turut memperketatkan kawalan di sempadan khususnya berkaitan penyeludupan barangan bersubsidi susulan situasi geopolitik semasa yang melibatkan konflik antara Iran, Amerika Syarikat dan Israel.

"Perkara itu telah dimaklumkan kepada Komander AKPS Bukit Kayu Hitam namun agensi peneraju dalam menguatkuasakan perkara berkaitan barangan atau bekalan kawalan adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Kita akan bersama-sama mengambil peranan dan bekerjasama dengan KPDN bagi melaksanakan penguatkuasaan tersebut di kawasan sempadan," katanya.



## 伍安琪：遏不合理漲價

# 挺審查旅巴漲車資

報道 李永勇

（八打灵再也1日讯）针对竞争委员会（MyCC）就旅游巴士车资调涨展开审查，旅游业者认为，相关监督措施有其必要性，以防止业界出现不合理涨价行为。



伍安琪认为，中东局势虽带来危机，但也为亚洲及东南亚旅游市场创造新商机。（档案照）

马中旅游文化促进商会总会长拿督伍安琪今日接受《星洲日报》访问时表示，她认同政府部门介入监督，认为当涉及交通成本时，更应保障人民，尤其是低收入群体的负担能力。

她指出，交通费用是人民日常生活中的重要开销，一旦油价上涨带动交通成本大幅增加，而薪资又未同步提升，势必加重人民生活压力。

"只要涨幅是在合理、公平、公正的范围内，我相信政府也不会采取行动。"

她也强调，车资上涨并非马来西亚独有的现象，而是全球性的趋势，泰国甚至一度出现油站缺油的情况。

### 对旅游前景抱持乐观

此外，伍安琪表示，尽管中东战火持续，但她对我国旅游市场前景仍持乐观看法，并认为危机中同样蕴藏商机，尤其可能带动更多游客转向亚洲与东南亚市场。

她指出，目前战事主要集中在中东，距离亚洲相对较远，因此本区域的整体旅游风险不高。

"很多原本打算去欧洲或中东的旅客，现在改为选择中国和东南亚，尤其一些奖励旅游团，若无法前往欧洲，也会转向亚洲市场。"

谈及旅游业的长期挑战，她认为，中东及欧洲游客在未来一段时期内预料将减少，主要因为当地社会与经济仍需时间重建，民众消费能力也将随之下降。

她补充，美国因投入大量军费，民众购买力也可能受到影响，进而冲击欧美旅客的出境旅游消费。

不过，她强调，亚洲旅游市场的基础依然稳固，涵盖中国、东南亚、日本及韩国等庞大的人口，足以支撑市场需求。

## 沈開祥澄清小型旅巴漲幅

另一方面，马来西亚小型巴士司机公会主席沈开祥指出，小型旅游巴士（客货车式）车资的实际调涨幅度，并没有早前旅游组织在记者会上所提到的70至80%。



沈开祥指出，电召车司机每月享有汽油补贴，旅游巴士业者却未获同等待遇。（档案照）

他以其公司目前的标准收费为例指出，原本机场接送服务收费约为230至250令吉，如今调高至280令吉，涨幅约30令吉。

"他们提出的调涨幅度高达80%，自然会引起政府部门关注，如果真的那么高，顾客早就跑完了"

另外，沈开祥也不满交通部长陆兆福以载送游客为由，指旅游巴士业者无法获得柴油津贴，并促请当局先厘清实际情况，因为电召车同样接送大量游客。

他说，电召车司机每月可获得800公升RON95汽油补贴配额，但旅游巴士业者却无法享有同等待遇，形成不公平竞争。

"只有他们能享有补贴，但我们的营运成本也很高，每个月供车就需要3000令吉，现在还要面对高油价压力。"

他说，如果不是开斋节、学校假期等旅游旺季，业者平时甚至难以争取顾客，而市场上长期存在的非法载客车辆问题，也使正规业者承受更大的经营压力。

尽管如此，他表示，在柴油价格上涨后，不少顾客理解旅游业者面对的成本压力，普遍仍能接受合理幅度内的调涨。

## 張耀權：車資應按營運成本調漲

马来西亚旅游总会（MATTA）总秘书张耀权表示，车资调整不应通过协调的方式决定，而应仿效航空业，根据各公司的营运成本，同时必须符合竞争法令。



张耀权指出，MyCC审查有助业界建立更透明及可持续的定价机制。（受访者提供）

"我们近日展开调查，发现旅游巴士每月的柴油消耗量介于1500至3500多公升，已经成为业者的主要开销。"

他认为，竞争委员会的审查有助于为业界提供更清晰的指引，推动更透明及可持续的定价机制。

不过他指出，旅游业未来数月仍面对营运成本上涨、人手短缺及高昂机票价格等挑战，进而影响旅游消费能力。

"整体而言，旅客如今更注重性价比，倾向选择更短的行程及更优惠的配套。"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 2 APRIL 2026 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 2-Apr | Penguatkuasaan lebih ketat RON95, diesel bermula hari ini – KPDN | https://www.buletintv3.my/nasional/penguatkuasaan-lebih-ketat-ron95-diesel-bermula-hari-ini-kpdn/ | TV3 |
| 2-Apr | KPDN mula perketat kawalan subsidi RON95, diesel hari ini | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1340174/kpdn-mula-perketat-kawalan-subsidi-ron95-diesel-hari-ini?source=widget | HARIAN METRO |
| 2-Apr | KPDN mula ketatkan kawalan bahan api di Sabah, Sarawak, Labuan hari ini | https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2026/04/1527994/kpdn-mula-ketatkan-kawalan-bahan-api-di-sabah-sarawak-labuan-hari | BERITA HARIAN |
| 2-Apr | KPDN perketat penguatkuasaan RON95, diesel di sempadan | https://utusansarawak.com.my/kpdn-perketat-penguatkuasaan-ron95-diesel-di-sempadan/ | UTUSAN SARAWAK |
| 2-Apr | KPDN perketat penggunaan petrol subsidi, diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan elak tiris | https://suara.tv/01/04/2026/kpdn-perketat-penggunaan-petrol-subsidi-diesel-di-sabah-sarawak-dan-labuan-elak-tiris/ | SUARA TV |
| 2-Apr | KPDN: Fuel supply stable, enforcement tightened to prevent misuse (Video) | https://www.theborneopost.com/2026/04/01/kpdn-fuel-supply-stable-enforcement-tightened-to-prevent-misuse/ | THE BORNEO POST |
| 2-Apr | KPDN: Fuel Supply Stable, Monitoring Stepped Up In Sabah, Sarawak And Labuan | https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2539766 | BERNAMA |
| 2-Apr | Had pengisian diesel baharu dikuatkuasakan di Sabah, Sarawak dan Labuan | https://www.tvsarawak.my/2026/04/01/had-pengisian-diesel-baharu-dikuatkuasakan-di-sabah-sarawak-dan-labuan/ | TVS |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2-Apr | KPDN bans RON95 for foreign vehicles, blocks int'l card payments | https://dayakdaily.com/kpdn-bans-ron95-for-foreign-vehicles-blocks-intl-card-payments/ | DAYAK DAILY |
| 2-Apr | Larangan RON95 kenderaan asing: KPDN perketat pemantauan sempadan Johor-Singapura | https://themalaytribune.com/larangan-ron95-kenderaan-asing-kpdn-perketat-pemantauan-sempadan-johor-singapura/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 2-Apr | Larangan RON95 kenderaan asing: KPDN perketat pemantauan sempadan Johor-Singapura | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1340087/larangan-ron95-kenderaan-asing-kpdn-perketat-pemantauan-sempadan-johor | HARIAN METRO |
| 2-Apr | KPDN perketat pemantauan stesen minyak di sempadan Johor-Singapura | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-perketat-pemantauan-stesen-minyak-di-sempadan-johor-singapura/ | TV3 |
| 2-Apr | Johor KPDN ramps up petrol station checks as RON95 ban begins | https://www.nst.com.my/news/regional/2026/04/1407943/johor-kpdn-ramps-petrol-station-checks-ron95-ban-begins | NST |
| 2-Apr | 140 anggota KPDN Kelantan pantau stesen minyak elak penyelewengan RON95 | https://www.sinarharian.com.my/article/773780/berita/semasa/140-anggota-kpdn-kelantan-pantau-stesen-minyak-elak-penyelewengan-ron95 | SINAR HARIAN |
| 2-Apr | KPDN Kelantan kerah 140 pegawai kawal ketirisan subsidi minyak negara | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/04/1528049/kpdn-kelantan-kerah-140-pegawai-kawal-ketirisan-subsidi-minyak | BERITA HARIAN |
| 2-Apr | Hari ini lengang, KPDN ada' | https://www.sinarharian.com.my/article/773764/edisi/kelantan/hari-ini-lengang-kpdn-ada | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2-Apr | KPDN Kedah perketat pemantauan sekatan kad asing beli RON95 | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-kedah-perketat-pemantauan-sekatan-kad-asing-beli-ron95/ | RTM |
| 2-Apr | 140 pegawai KPDN buru 'hantu' stesen minyak | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1340162/140-pegawai-kpdn-buru-hantu-stesen-minyak | HARIAN METRO |
| 2-Apr | Padah jual minyak masak paket bersyarat, peniaga dikenakan tindakan | https://www.sinarharian.com.my/article/773766/edisi/perak/padah-jual-minyak-masak-paket-bersyarat-peniaga-dikenakan- | SINAR HARIAN |
| 2-Apr | Padah jual minyak masak peket tapi 'letak syarat' | https://www.kosmo.com.my/2026/04/01/padah-jual-minyak-masak-peket-tapi-letak-syarat/ | KOSMO |
| 2-Apr | Perak KPDN Seizes 450kg Of Cooking Oil Packs | https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2539716 | BERNAMA |
| 2-Apr | CAP sokong langkah KPDN sekat minyak bersubsidi untuk warga asing | https://malaysiagazette.com/2026/04/01/cap-sokong-langkah-kpdn-sekat-minyak-bersubsidi-untuk-warga-asing/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 2-Apr | Syarikat, dua pengarah didakwa miliki minyak pelincir kenderaan tiruan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1340105/syarikat-dua-pengarah-didakwa-miliki-minyak-pelincir-kenderaan-tiruan?source=widget | HARIAN METRO |
| 2-Apr | Syarikat, 2 pengarah didakwa miliki minyak pelincir tiruan | https://www.buletintv3.my/mahkamah/syarikat-2-pengarah-didakwa-miliki-minyak-pelincir-tiruan/ | TV3 |
| 2-Apr | Syarikat, dua pengarah didakwa miliki minyak pelincir kenderaan tiruan | https://www.malay.news/syarikat-dua-pengarah-didakwa-miliki-minyak-pelincir-kenderaan-tiruan/ | MALAY NEWS |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2-Apr | Ops Tiris 4.0: KPDN Selangor periksa 809 stesen minyak | utusan.com.my/berita/2026/04/ops-tiris-4-0-kpdn-selangor-periksa-809-stesen-minyak/ | UTUSAN |
| 2-Apr | Ops Tiris 4.0: KPDN Selangor periksa 809 stesen minyak | https://www.malay.news/ops-tiris-4-0-kpdn-selangor-periksa-809-stesen-minyak/ | MALAYNEWS |
| 2-Apr | Serbuan Mengejut OPS Tiris 4.0: Cubaan Penyelewengan Diesel Dipatahkan | https://www.nabalunews.com/post/serbuan-mengejut-ops-tiris-4-0-cubaan-penyelewengan-diesel-dipatahkan | NABALU NEWS |
| 2-Apr | Op Tiris 4.0: 809 stesen minyak dipantau KPDN Selangor | https://www.sinarharian.com.my/article/773807/berita/semasa/op-tiris-40-809-stesen-minyak-dipantau-kpdn-selangor | SINAR HARIAN |
| 2-Apr | Ops Tiris 4.0: Pajero ubah suai seleweng diesel disita | https://sabah.kupikupifm.my/ops-tiris-4-0-pajero-ubah-suai-seleweng-diesel-disita/ | KUPIKUPI FM |
| 2-Apr | Ops Tiris 4.0: KPDN serbu Pajero, sita 200 liter diesel | https://sabahnewstoday.net/ops-tiris-4-0-kpdn-serbu-pajero-sita-200-liter-diesel/ | SABAH NEWS TODAY |
| 2-Apr | Op Tiris 4.0: KPDN Selangor Pantau Rapi Stesen Minyak | https://malaysiaaktif.my/2026/04/op-tiris-4-0-kpdn-selangor-pantau-rapi-stesen-minyak/ | MALAYSIA AKTIF |
| 2-Apr | Pengusaha stesen minyak disempadan Malaysia-Thailand patuh larangan penjualan RON95 kepada kenderaan asing | https://www.utusan.com.my/berita/2026/04/pengusaha-stesen-minyak-disempadan-malaysia-thailand-patuh-larangan-penjualan-ron95-kepada-kenderaan-asing/ | UTUSAN |
| 2-Apr | Pengusaha stesen minyak disempadan Malaysia-Thailand patuh larangan penjualan RON95 kepada kenderaan asing | https://www.malay.news/pengusaha-stesen-minyak-disempadan-malaysia-thailand-patuh-larangan-penjualan-ron95-kepada-kenderaan-asing/ | MALAY NEWS |
| 2-Apr | Pengusaha stesen minyak sambut baik larangan RON95 kepada kenderaan asing | http://malaysounds.com/info/t-2604011564.html | MALAY SOUNDS |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT